
PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

HARI RABU: 18 MARCH 2009

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.
Sidek/jwp.09

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 4, 5, 13 HINGGA 73)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 3, 6 HINGGA 12

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

NO : 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan : Lisan

Daripada : Puan Hajjah Zuraida Binti Kamaruddin

Tarikh : 18 Mac 2009

SOALAN (a)

Berapakah saiz modal francais tempatan berbanding di negara lain?

JAWAPAN (a)

Saiz modal francais di Malaysia adalah serendah RM 5,000 sehingga melebihi RM 500,000.

Sehingga Disember 2008, 12.93% atau 34 daripada 263 perniagaan francais yang didaftarkan di Malaysia beroperasi dengan modal kurang daripada RM 100,000, berbanding 42.48% di Kanada dan 63.66% di Australia.

Perbandingan terperinci saiz modal francais tempatan berbanding dengan negara-negara lain seperti yang ditanya oleh YB Ampang ialah:

Modal*	Malaysia**	Australia***	Kanada****
Kurang dari 100,000	34	699	96
100,00 atau lebih	229	399	130
Jumlah	**263**	**1098**	**226**

Nota:

* *Matawang modal adalah bergantung kepada negara berkenaan*

** *Sumber: Direktori Francais MECD*

*** *Sumber: Direktori rasmi Franchise Council Australia*

**** *Sumber: Direktori rasmi Canadian Franchise Association*

SOALAN (b)

Berapakah pula francais tempatan ini yang gagal atau mengalami kerugian?

JAWAPAN (b)

Mengikut rekod Kementerian saya, sehingga 31 Disember 2008, sebanyak 5,453 outlet francaisi telah dibuka dan 91% atau 4,962 daripada outlet ini masih beroperasi.

Mengikut rekod kami juga, tiada satu pun perniagaan francais telah ditutup disebabkan oleh saiz modal. Penutupan 9% atau 491 outlet francaisi adalah disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya penamatan tempoh perjanjian francais.

Sehingga Disember 2008, anggaran jumlah jualan bagi keseluruhan outlet francaisi yang masih beroperasi adalah sebanyak RM 1.7 bilion..

Disediakan Oleh :

Abdullah B. Abdul Rahman
KPP (F) 2 13/2/09
No Tel Pejabat : 03-8880 5611
No H/P : 013-336 7875

Disemak Oleh :

Mohamad Amin Ma'mon Bin Mohamad
Pengarah (F)
No Tel Pejabat : 03- 8880 5608 13/2/09
No H/P : 019-231 4096

Diluluskan :

Dato' Musa Bin Muhamad 13/2.
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi

Font : Arial (20)

Soalan No: 5

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM@NYALLAU ANAK BADAK (LUBOK ANTU)

TARIKH : 18.03.2009

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan berapakah peruntukan yang telah diluluskan untuk melaksanakan projek bekalan elektrik luar bandar pada tahun

ini di kawasan Parlimen Lubok Antu dan sebutkan nama kampung-kampung dan rumah-rumah panjang yang terlibat.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian kini sedang melaksanakan 3 projek Bekalan Elektrik Luar Bandar(BELB) sambungan talian grid bernilai RM2.56 juta di Kg. Melayu Engkilili, Klinik Ng Kesit, SK Ng Kesit, Rh Ran, Rh Jampang Ng Kesit dan Rh Saong, Serubah, Ng Kesit. Apabila siap kelak, sejumlah 197 buah rumah akan mendapat bekalan elektrik 24 jam. Sehingga 15 Februari 2009, kemajuan kerja di tapak bina telah mencapai 60% dan Kementerian yakin bahawa projek ini akan dapat disiapkan sebelum Ogos 2009.

SOALAN NO: 13

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.03.2009

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria (Parit) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah ciri-ciri pembangunan ekonomi domestik yang kritikal untuk menentukan Malaysia berupaya menjana pertumbuhan ekonomi dalaman sedang dunia bergelut dengan ketidaktentuan ekonomi Amerika Syarikat dan banyak Negara bergantung pada import dan eksport untuk penjanaan pendapatan utama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Krisis kewangan global semakin tidak menentu dengan majoriti negara maju mengalami kegawatan ekonomi yang semakin meruncing. Perkembangan global ini mula memberi kesan terhadap permintaan luar Malaysia seperti yang ditunjukkan oleh pengucupan eksport pada suku akhir 2008. Permintaan luar dijangka kekal rendah dengan jangkaan bahawa kemerosotan ekonomi global akan berpanjangan.

2. Dalam persekitaran ini, pertumbuhan ekonomi negara perlu disokong oleh permintaan domestik. Dalam tempoh jangka pendek, pemangkin utama harus berpunca daripada sektor awam kerana sentimen perniagaan dan penguna telah dipengaruhi oleh perkembangan global. Strategi makro ekonomi ini adalah penting bagi ekonomi yang berhadapan dengan kegawatan ekonomi global. Justeru itu, Kerajaan akan memastikan bahawa peruntukan dan projek yang telah dikenal pasti dalam Bajet 2009 serta pakej rangsangan akan dibelanjakan dan dibangunkan secara effektif bagi menyokong ekonomi negara.

3. Pakej rangsangan ekonomi kedua yang diumumkan pada 10 Mac baru-baru ini juga memberi fokus terutamanya untuk menyokong permintaan domestik, yang berasaskan kepada empat teras iaitu teras pertama: mengurangkan pengangguran dan menambah peluang pekerjaan, teras kedua: meringankan beban rakyat terutamanya golongan mudah terjejas, teras ketiga: membantu sektor swasta menghadapi krisis, dan teras keempat: membina keupayaan masa depan. Tambahan pula, Kerajaan akan terus melaksanakan langkah-langkah yang perlu untuk mewujudkan persekitaran yang diperlukan bagi menyokong penggunaan dan pelaburan sektor swasta seperti mengurangkan kos menjalankan perniagaan, meningkatkan sistem penyampaian sektor awam dan menjadikan ekonomi lebih liberal.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Selain daripada itu, Kerajaan turut mempelbagaikan punca pertumbuhan ekonomi, termasuk ke arah ekonomi berasaskan

pengetahuan dan mempertingkatkan nilai rantaian yang lebih tinggi seperti mana digariskan dalam matlamat misi nasional dalam Rancangan Malaysia ke-9. Ini termasuk strategi pembangunan kawasan baru bagi pertumbuhan, antaranya perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar industri kepada bisnes agro, bioteknologi dan kewangan Islam.

5. Dengan pendekatan penyusunan makro ekonomi yang pragmatik, keupayaan negara untuk berubah kepada aktiviti baru merupakan faktor yang penting dalam menyumbang kepada ekonomi yang dinamik. Justeru, dengan pelaksanaan pakej rangsangan pertama dan kedua, dengan sokongan padu dari semua pihak termasuk sektor swasta dan semua rakyat, kerajaan yakin negara akan dapat mengelak dari mengalami kemelesetan ekonomi.

Soalan NO: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR

TARIKH : 18.MAC 2009

SOALAN NO. : 14

Tuan Mohd Firdaus Bin Jaafar minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program-program yang telah dan akan diadakan oleh Kementerian bagi membendung belia dan beliawanis negara terlibat dengan gejala-gejala negatif bagi tempoh 2008 hingga 2010 dan apakah keberkesanannya.

JAWAPAN :

Untuk mewujudkan masyarakat belia yang memiliki keperibadian yang bersepadu dari segi rohani, akliah dan jasmaniah, bertanggungjawab, bersemangat sukarela dan patriotik untuk menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran negara, KBS telah dan akan melaksanakan pelbagai program bagi membangunkan generasi belia negara.

Secara umumnya pelaksanaan program pembangunan belia di negara ini berteraskan konsep 3K iaitu Kepimpinan, Kemahiran dan Keusahawanan.

Bagi tahun 2009 hingga 2010 antara program-program sedia ada dan baru yang telah dikenalpasti untuk terus dan akan dilaksanakan dalam konteks menangani gejala negatif di kalangan belia ialah:

PROGRAM-PROGRAM SEDIA ADA:

i. Program Memperkasa Pertubuhan Belia

Program ini telah diperkenalkan pada tahun 2008 dan bertujuan untuk mengerakkan pertubuhan belia sebagai agen untuk menangani permasalahan sosial yang berlaku di kalangan golongan belia. Untuk itu, Pertubuhan Belia telah dan akan terus diperkasakan sama ada dari segi kepimpinan mahupun keupayaan pengurusan dan pelaksanaan program. Bagi tahun 2008 sebanyak 3765 persatuan telah mendapat manfaat daripada program ini dan melibatkan jumlah peruntukan berjumlah RM 12 Juta.

Bagi tahun 2009, disasarkan sejumlah 4790 persatuan akan terlibat dengan program ini dan akan melibatkan peruntukan kewangan berjumlah 17.65 Juta.

ii. Program Jatidiri Kesukarelaan Nasional

Pelaksanaan program ditumpukan kepada belia lepasan SPM dan melibatkan penyertaan semua kaum. Program ini menekankan aspek pembangunan diri belia di samping memupuk semangat cintakan negara dan patriotisme serta menyemai dan mempersiapkan diri

belia dengan nilai-nilai kemasyarakatan. Bagi tahun 2008, KBS telah berjaya melaksanakan 145 program PJKN dengan melibatkan penyertaan seramai 25,000 orang peserta.

Bagi Tahun 2009, KBS merancang untuk melaksanakan 146 program dan akan melibatkan penyertaan belia seramai 11,680 orang.

iii. Program Komuniti Belia Remaja (Y2Y)

Program ini bertujuan untuk memantapkan jatidiri belia remaja dan untuk merealisasikan kepimpinan dan pembangunan masyarakat di peringkat komuniti. Bagi tahun 2008, KBS telah berjaya melaksanakan 478 program Y2Y dengan melibatkan penyertaan seramai 38,240 orang. Pada tahun 2009, KBS akan melaksanakan 459 program Y2Y dengan melibatkan penyertaan belia seramai 28,880 orang.

Menerusi program Y2Y ini pendekatan yang digunakan adalah ke arah penerokaan minat, kecederungan, nilai dan potensi. Selain daripada itu, untuk menyelami masalah para belia dan langkah-langkah penyelesaian kepada perkara tersebut pendekatan psikologi dan kaunseling digunakan. Fasilitator bagi program ini adalah terdiri daripada kalangan kaunselor yang bertauliah.

PROGRAM-PROGRAM BARU

Antara program-program baru yang akan dilaksanakan khusus bagi menangani gejala-gejala negatif di kalangan belia bermula pada tahun 2009 ialah:

i. **Program Generasi Bebas Jenayah (GBJ)**

Program ini berkonsepkan pencegahan masalah sosial dan perlakuan ke arah tingkahlaku jenayah di kalangan belia. Antara objektif program ini ialah untuk meningkatkan kesedaran mengenai bahaya perlakuan jenayah di kalangan belia dan kesan-kesannya serta mengurangkan penglibatan belia dalam aktiviti tidak sihat yang boleh mendorong kepada perlakuan jenayah. Antara strategi yang dirancang dalam usaha pencegahan jenayah di kalangan belia melalui program ini ialah mengadakan gerak gempur media, khemah kerja GBJ, Ekspedisi GBJ dan Program Kecemerlangan Belia.

Program ini telah dilancarkan oleh Y.B Menteri Belia dan Sukan pada 8 Mac 2009 yang lalu bertempat di Dataran Stadium Putra, Bukit Jalil

ii. **Program 1 Komuniti 1 Persatuan.**

Program ini bertujuan untuk mewujudkan pertubuhan belia di seluruh kawasan komuniti belia. Objektif program ini adalah untuk mempertingkatkan jumlah penyertaan belia dalam persatuan dan bagi membentuk belia yang berkemahiran dalam aspek pengurusan organisasi dan aktiviti. Selain itu, penubuhan persatuan di peringkat komuniti ini juga adalah berfungsi sebagai 'one-stop' centre' dalam

mengumpul dan seterusnya mengalakkan belia melaksanakan aktiviti secara terancang dan terkawal.

Untuk makluman, Ahli Dewan Program ini akan dilancarkan pada 22 Mac 2009 bertempat di One Utama Damansara.

iii. Program Intervensi Kecemerlangan Belia

Program ini adalah hasil daripada cadangan Jawatankuasa Menangani Isu dan gejala Sosial Belia yang telah ditubuhkan di bawah Majlis Perundingan Belia Negara. Matlamat program ini adalah untuk menangani isu dan gejala sosial di kalangan belia di peringkat akar umbi dan akan dilaksanakan secara menyeluruh ke seluruh negara bermula bulan Mac hingga Mei tahun ini.

iv. Program Pembangunan Personaliti Belia

Personaliti atau keperibadian adalah merupakan cerminan sebenar imej seseorang individu. Menyedari hakikat tersebut KBS akan melaksanakan program ini yang bertujuan untuk membentuk generasi belia yang mempunyai nilai-nilai personaliti yang baik dan positif selari dengan dasar pembangunan modal insan negara. pendekatan program ini akan menggunakan elemen psikologi dan akan dilaksanakan di seluruh negara bermula pada bulan Mac tahun ini.

KEBERKESANAN

Dari aspek keberkesanan program-program yang dilaksanakan ini, untuk makluman Dewan, program-program yang dianjurkan sepanjang tahun 2008 ini sedang dinilai keberkesanannya oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Walau bagaimanapun analisis yang dibuat berdasarkan kepada borang penilaian awal yang diedarkan kepada peserta mendapati bahawa program-program yang dianjurkan ini berkesan dalam membina dan membangunkan sikap, pengetahuan dan kemahiran peserta (Kemahiran Sosial dan Kemahiran Teknikal). Sebagai contohnya, analisis dapatan awal PJKN yang telah dilaksanakan telah menunjukkan impak seperti berikut:

Impak Program PJKN

		Sebelum	**Selepas**	**% Peningkatan**
i.	Kepimpinan	36.0%	68.0%	32.0%
ii.	Keusahawanan	30.0%	59.0%	29.0%
iii.	Patriotik	55.0%	77.0%	22.0%
iv.	Kesukarelaan	66.0%	85.0%	19.0%

SOALAN NO: 15

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED (SEKIJANG)
TARIKH	:	18 MAC 2009 (RABU)
SOALAN	:	**DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan: Apakah perancangan dan persediaan terkini Kerajaan untuk memenuhi keperluan beras negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi memastikan bekalan beras mencukupi bagi keperluan negara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada bulan April 2008 telah mengadakan Dasar Jaminan Bekalan Makanan bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran beras dalam negara. Di antara program-program yang dijalankan di bawah dasar ini ialah:

(a) Tindakan *quick-win* bagi meningkatkan pengeluaran beras

(i) Menyelenggarakan infrastruktur pengairan dan saliran;

(ii) Perataan tanah sawah;

(iii) Pembekalan input pertanian bagi meningkatkan kesuburan tanah; dan

- Pembekalan Kapur
- Pembekalan Baja NPK

(iv) Kawalan Makhluk Perosak.

(b) Tindakan Memperkukuhkan Khidmat Sokongan

(i) Pemilikan jentera dan mekanisasi ladang; dan

(ii) Khidmat sokongan penyelidikan dan promosi teknologi.

(c) Tindakan Jangka Panjang Dengan Meningkatkan Intensiti Penanaman

(i) Membangunkan infrastruktur pengairan dan saliran baru.

Pada masa ini sebanyak 72% keperluan beras negara adalah dipenuhi daripada beras tempatan. Dengan pelaksanaan dasar ini, dijangka tahap sara diri (SSL) beras negara ialah sebanyak 86% pada penghujung tahun 2010. Bagi menampung kekurangan ini, Kerajaan mengimport beras daripada luar negara seperti Thailand dan Vietnam.

Bagi menjamin keperluan beras negara semasa kecemasan, Kerajaan juga telah meningkatkan paras stokpail beras negara daripada 92,000 metrik tan yang hanya mampu bertahan untuk penggunaan selama 14 hari kepada 292,000 metrik tan yang mampu bertahan selama 45 hari.

SOALAN NO: 16

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA SELANGOR)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**18.03.2009**

Dr Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil pihak Kerajaan dalam memantau kakitangan awam dan swasta yang berkemungkinan berhadapan dengan keadaan tidak mampu membayar ansuran pinjaman bagi mengelak krisis subprime Amerika melanda Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memantau tahap keterhutangan peminjam bagi memastikan peminjam tidak dibebani oleh pinjaman yang keterlaluan di samping memastikan sistem kewangan negara tidak terjejas oleh hutang tidak berbayar (NPL) yang sangat tinggi yang boleh menjejaskan kestabilan sistem perbankan domestik. Bagi kakitangan awam, bayaran bulanan pinjaman tidak boleh melebihi 60% daripada jumlah gaji kasar yang diterima oleh

seseorang kakitangan awam, seperti yang telah dijelaskan dalam surat Jabatan Perkhidmatan Awam Mengenai Peraturan Mengenai Larangan Meminjam Dan Berada Dalam Keterhutangan Kewangan Yang Serius Ke Atas Pegawai Awam yang bertarikh 13 November 2008. Perkara keterhutangan penjawat awam juga terkandung di bawah Perintah Am, Bab D, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Peraturan 12 dan 13 yang menyatakan seseorang penjawat awam adalah dengan apa cara sekalipun hendaklah tidak boleh berada dalam keadaan keterhutangan yang serius. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memantau tahap keterhutangan kakitangannya.

2. Bagi peminjam dengan sistem perbankan pula, Kerajaan telah menubuhkan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (*Central Credit Reference Information System* atau CCRIS) untuk membantu institusi perbankan menilai keupayaan kredit seseorang peminjam. Selain itu, Kerajaan juga memantau perkembangan dalam sistem perbankan, terutama petunjuk permohonan dan kelulusan pinjaman, kemampuan membayar pinjaman, tahap dan nisbah NPL bagi memastikan tahap keterhutangan seseorang peminjam berada pada tahap berhemat. Di samping itu, Kerajaan telah juga mewujudkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk perkhidmatan pengurusan kredit dan kaunseling kewangan kepada individu serta memberikan pendidikan kewangan supaya mereka dapat mengawal kedudukan kewangan dengan lebih berhemat.

3. Dalam pada itu, institusi perbankan telah juga menyediakan penstrukturan semula hutang untuk peminjam yang menghadapi kesukaran membayar balik pinjaman. Selain itu, Kerajaan juga menyediakan galakan kepada bank untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman perumahan selama satu tahun bagi pekerja yang diberhentikan kerja dan menghadapi masalah membayar balik pinjaman perumahan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua.

SOALAN NO. 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATUK TIONG THAI KING**
KAWASAN	:	**LANANG**
TARIKH	:	**18.03.2009 (RABU)**

Y.B. DATUK TIONG THAI KING (LANANG) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan pengusaha perabot negara kita menghadapi persaingan hebat dengan barangan siap yang murah dari negeri China dan mengurangkan daya saing di pasaran. Berapakah pengusaha kilang perabot yang terpaksa menamatkan perniagaan pada tahun 2006, 2007 dan 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sememangnya industri perabot di Malaysia pada masa ini menghadapi persaingan dari beberapa negara pengeluar perabot lain seperti China, Indonesia dan Vietnam yang secara perbandingannya mempunyai kelebihan dari segi kos buruh, tanah dan bahan mentah yang lebih

rendah berbanding Malaysia. Meskipun kemasukan perabot dari Negara China telah mewujudkan persaingan dari segi harga yang rendah kepada pengilang perabot tempatan, industri perabot negara dilihat mempunyai kelebihan dan segi imej dan kualiti perabot yang semakin diterima di pasaran tempatan dan antarabangsa. Selain itu, Malaysia juga mempunyai kelebihan dari segi sumber bekalan bahan mentah tempatan yang berterusan untuk menampung keperluan pengeluaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Keluaran perabot Malaysia telah menunjukkan peningkatan dalam nilai eksport perabot ke luar negara. Jumlah eksport perabot terus meningkat sebanyak 7.8 peratus daripada RM7,495.5 juta kepada RM8,080.1 juta pada tahun 2006 dan seterusnya terus meningkat sebanyak 5.8 peratus daripada RM8,547.7 juta pada tahun 2007. Pada tahun 2008, nilai eksport perabot terus mencatat pertumbuhan positif sebanyak 2 peratus kepada RM8,717.7 juta.

Tuan Yang Di Pertua,

Mengenai isu penutupan kilang perabot yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, ingin dimaklumkan bahawa untuk tahun 2006, sebanyak 7 pengusaha kilang perabot telah menamatkan perniagaan masing-masing. Bagi tahun 2007, sebanyak 2 pengusaha kilang perabot telah menamatkan perniagaan. Sementara bagi tahun 2008 pula,

sebanyak 7 pengusaha perabot telah menamatkan operasi operasi masing-masing.

****

SOALAN NO: 18

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]

TARIKH : 18 MAC 2009

RUJUKAN : 1616

SOALAN :

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah aspek yang dirangkumi di dalam 'rebranding' Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang dimaksudkan dan sejauh mana pelaksanaannya dan bagaimanakah ia dapat mengurangkan kadar jenayah di dalam negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sistem kepolisan negara telah melalui 3 era semenjak daripada negara mencapai kemerdekaan sehingga ke hari ini iaitu daripada sistem kepolisan yang berteraskan tradisi (Traditional Oriented Policing) yang dilaksanakan semenjak negara mencapai kemerdekaan (1957-1967), kemudiannya kepada sistem kepolisan berteraskan penyelesaian masalah (Problem Solving Oriented Policing) pada 1967-1999 dan hinggalah pada masa kini iaitu era kepolisan masyarakat (Community Oriented Policing) yang dilaksanakan mulai tahun 2007. Dalam era ini, khidmat kepolisan diperluaskan dengan mengambil kira aspek kepuasan pelanggan di mana ciri-ciri berhemah, berintegriti dan bertanggungjawab menjadi penilaian kepada perkhidmatan yang diberikan oleh PDRM. Budaya kerja PDRM juga berubah kepada nilai-nilai positif yang bersesuaian iaitu Tegas, Adil dan Berhemah.

Tuan Yang Dipertua,

Di dalam 3 fasa perubahan yang disebutkan tersebut, nyata dapat kita lihat bahawa PDRM telah mengalami perubahan dan melalui proses penjenamaannya yang tersendiri berdasarkan kepada keperluan dan kehendak persekitaran masyarakat pada ketika itu. Ini dapat kita lihat di mana pada hari ini, tugas pencegahan jenayah bukan sahaja diletakkan di bahu pihak polis. Ahli masyarakat turut dilibatkan di dalam pencegahan jenayah melalui program Community Policing seperti Rakan Cop dan sebagainya. Walaubagaimanapun, program-program ini masih dalam peringkat pelaksanaan di negeri-negeri yang terlibat. Kajian impak atau hasil pelaksanaannya masih belum diperolehi setakat ini. Walaubagaimanapun, PDRM sentiasa mengalu-alukan semua pihak daripada kalangan ahli masyarakat dan badan-badan bukan kerajaan untuk sama-sama membantu pihak pihak polis dalam menangani jenayah masa kini.

Soalan No : 19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT)**
TARIKH	:	**18.03.2009**

SOALAN:

Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian ini sudah mempunyai rancangan yang kukuh untuk memastikan setiap sekolah di negara kita akan dapat meraih kelulusan di tahap 100% bagi peperiksaan UPSR dan PMR. Kalau ada, tahun bilakah pencapaian itu menjadi kenyataan, dan kalau tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap kecemerlangan murid selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang merupakan usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Usaha-usaha yang dilakukan telah menunjukkan peningkatan pencapaian murid-murid dalam peperiksaan awam termasuklah dalam UPSR dan PMR.

KPM sudah mempunyai perancangan dan sedang menjalankan transformasi sistem pentaksiran yang lebih holistik iaitu Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) yang akan dilaksanakan pada tahun 2010 bagi murid pra sekolah dan tahun satu sehingga pelaksanaan penuh yang dijangka pada tahun 2015. Sistem ini diyakini berupaya meningkat kualiti murid dari segi seni binaupaya insan (human capacity building) dalam era globalisasi dan juga

melahirkan insan yang seimbang. Di bawah konsep SPPK, tumpuan bukan hanya diberikan kepada aspek kognitif tetapi juga kekuatan dalaman yang boleh memastikan kebolehdidikan (educability), kebolehlatihan (trainability), kebolehkerjaan (employability) dan kebolehpasaran (marketability). Sistem pentaksiran holistik ini juga memberi tumpuan kepada pemupukan nilai-nilai yang menyeluruh (all-rounded values) seperti nilai-nilai kreatif, inovatif, kritis, berdisiplin dan berakhlak mulia di kalangan murid.

SOALAN NO: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]**
TARIKH	:	**18 MAC 2009**
RUJUKAN	:	**1668**

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan terhadap lebihan pekerja asing yang diberhentikan.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 18.3.2009

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Kuala Langat di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan agar semua pekerja asing yang telah diberhentikan perlu dihantar pulang ke negara asal masing-masing. Bagi tujuan tersebut, satu Jawatankuasa Bersama Antara Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja di peringkat Negeri telah ditubuhkan bertujuan untuk memastikan proses penghantaran pulang pekerja asing ini dapat dilaksanakan oleh semua majikan yang ingin menutup perniagaan atau mengecilkan saiz operasi mereka.

Penyelarasan antara kedua Jabatan ini adalah amat penting dalam usaha memastikan kekosongan jawatan sedia ada dapat ditawarkan kepada pekerja tempatan manakala pekerja asing yang diberhentikan pula dihantar pulang ke negara asal mengikut proses dan prosedur yang telah ditetapkan.

SOALAN NO. 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH**
KAWASAN	:	**PUTATAN**
TARIKH	:	**18.03.2009 (RABU)**

Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH (PUTATAN) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :-

(a) **sebab-sebab utama kenapa pelabur-pelabur asing kurang berminat untuk melabur di negara Malaysia berbanding dengan jiran; dan**

(b) **apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meminda dasar-dasar yang menjadi penyebab nereka ini, (misalnya DEB) enggan melabur di negara ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Tanggapan bahawa pelabur-pelabur asing kurang berminat untuk melabur di negara Malaysia adalah tidak benar. Malaysia terus kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik bagi pelabur-pelabur asing

jika dibandingkan dengan negara-negara jiran. Menurut *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD), aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) ke dalam negara Malaysia telah meningkat sejak tahun 2005. Jumlah aliran masuk FDI telah meningkat daripada US$4.0 bilion pada tahun 2005 kepada US$6.1 bilion pada tahun 2006 dan US$8.4 bilion pada tahun 2007.

Menurut laporan UNCTAD terkini yang dikeluarkan pada 19 Januari 2009, jumlah aliran masuk FDI yang dicatatkan oleh Malaysia pada tahun 2008 adalah sebanyak US$12.9 bilion, berbanding dengan US$8.4 bilion pada tahun 2007. Ini merupakan peningkatan sebanyak 53.4 peratus.

Negara turut mencatatkan jumlah aliran masuk FDI yang lebih tinggi berbanding Singapura (US$10.3 bilion), Thailand (US$9.2 bilion) dan Indonesia (US$5.5). Negara Singapura, Thailand dan Indonesia turut mencatatkan kadar pertumbuhan FDI yang negatif pada tahun tersebut.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk menarik banyak pelabur masuk ke Malaysia dengan menyediakan insentif berbentuk fiskal dan bukan fiskal. Di samping itu, Kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil langkah bagi mengkaji semula dan meminda dasar yang sewajarnya untuk memastikan negara berdaya saing untuk merebut Pelaburan Langsung Asing (FDI). Kerajaan juga komited untuk menyediakan

persekitaran yang kondusif untuk pelaburan, seperti yang digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

Antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menjadikan Malaysia kekal sebagai destinasi yang menarik untuk pelaburan seperti:

- liberalisasi dasar ekuiti dalam sektor perkilangan di mana pegangan ekuiti asing 100 peratus dibenarkan bagi semua pelaburan baru, termasuk pelaburan dalam projek-projek pembesaran/pelbagaian oleh syarikat sedia wujud;

- liberalisasi prosedur dan dasar pengambilan pegawai dagang bagi projek perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan;

- berkuatkuasa 1 Disember 2008, lesen pengilang dikeluarkan secara automatik kecuali untuk aktiviti yang melibatkan keselamatan, kesihatan, alam sekitar, dan yang berkaitan keagamaan, di mana surat penilaian dan kelulusan masih diperlukan untuk pengeluaran lesen pengilang;

- meningkatkan kecekapan sistem penyampaian Kerajaan. Pasukan Pemudahcara Perniagaan atau PEMUDAH yang ditubuhkan pada tahun 2007 telah:
  - mempercepatkan pemerosesan hal-hal imigresen terutamanya permohonan pas pegawai dagang dan melanjutkan sah laku pas lawatan profesional;

- mewujudkan One-Stop Centre (OSC) Kerajaan Tempatan dan memperkenalkan sijil pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance*) bagi menggantikan Sijil Layak Menduduki (*Certificate of Fitness for Occupation – CFO*);

- memperkenalkan permohonan lesen-lesen perniagaan secara on-line melalui Business Licensing Elektronic Support Services (BLESS); dan

- pengecualian cukai sepenuhnya ke atas bahan mentah dan barangan pertengahan yang digunakan untuk aktiviti pengilangan tempatan. Senarai barangan yang dibenarkan pengecualian cukai boleh didapati daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

****

SOALAN NO: 22

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.03.2009

Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah jumlah cukai durian runtuh (windfall tax) dari IPP ditarik balik, jumlah keuntungan sebelum cukai, cukai tahunan sejak 2000 dan cukai durian runtuh yang dikutip mengikut pecahan sumbangan setiap IPP, apakah rasional TNB perlu membayar IPP untuk setiap bekalan elektrik yang tidak diperlukan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan Levi Keuntungan Luar Biasa tidak lagi dikenakan ke atas IPP. Walau bagaimanapun, ia digantikan dengan bayaran *one-off,* yang bersamaan dengan jumlah levi bagi satu tahun. Keputusan ini dibuat memandangkan Levi Keuntungan Luar Biasa mengakibatkan ketidaktentuan dan menjejaskan keupayaan IPP untuk mendapat pembiayaan bagi meneruskan perniagaannya serta membuat pelaburan.

Jumlah keuntungan sebelum cukai dan jumlah cukai tahunan bagi semua IPP sejak tahun 2000 hingga tahun 2008 adalah sebanyak RM15.7 bilion dan RM2.4 bilion. Jumlah bayaran *one-off* Levi Keuntungan Luar Biasa adalah sebanyak RM592 juta.

Rasional bayaran kepada IPP untuk setiap bekalan elektrik yang tidak diperlukan adalah sebagai perancangan penambahan kapasiti penjanaan elektrik yang berdasarkan unjuran permintaan elektrik untuk jangka panjang. Bekalan elektrik yang mencukupi termasuk untuk tujuan *standby* perlu disediakan bagi menampung permintaan yang tidak seragam serta pertumbuhan permintaan puncak *(peak demand)*. Walau bagaimanapun, berikutan kelembapan ekonomi pada masa kini, permintaan elektrik tidak meningkat seperti yang diunjurkan. Oleh itu, terdapat lebihan kapasiti penjanaan sama ada oleh loji Tenaga Nasional Berhad (TNB) atau IPP yang perlu ditampung oleh TNB selaku syarikat utiliti memandangkan loji tersebut telah sedia terpasang. Namun demikian, dalam jangka masa panjang, lebihan kapasiti dijangka akan berkurangan ke paras yang lebih selesa di samping dapat menjamin kestabilan sistem bekalan elektrik.

SOALAN NO. 93

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
[SIPITANG]

TARIKH : 18 MAC 2009

SOALAN :

MINTA **MENTERI KERJA RAYA** MENYATAKAN BILAKAH KEMENTERIAN AKAN MEMULAKAN PERLAKSANAAN PROJEK PEMBESARAN JALAN RAYA BEAUFORT-PAPAR-SIPITANG DAN LAWAS (SARAWAK) DARIPADA SATU LORONG KEPADA DUA LORONG.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, KEMENTERIAN KERJA RAYA TELAH MENGEMUKAKAN DUA PERMOHONAN IAITU PROJEK NAIKTARAF JALAN DARI BANDAR BEAUFORT KE PAPAR DAN PROJEK NAIKTARAF JALAN DARI BANDAR BEAUFORT KE SIPITANG DARIPADA SATU LORONG DUA HALA *(SINGLE CARRIAGEWAY)* KEPADA DUA LORONG DUA HALA *(DUAL CARRIAGEWAY)* SEMASA KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMK-9. WALAUBAGAIMANAPUN, DUKACITA DIMAKLUMKAN PROJEK TERSEBUT TIDAK DILULUSKAN DALAM KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMK-9.

BERDASARKAN KEPADA ANALISA TRAFIK YANG DIJALANKAN OLEH KEMENTERIAN KERJA RAYA, DIDAPATI BAHAWA JUMLAH KENDERAAN YANG MENGGUNAKAN JALAN PAPAR – BEAUFORT – SIPITANG HANYA 8,757 KENDERAAN SEHARI BERDASARKAN BANCI TAHUN 2006. OLEH YANG DEMIKIAN, JALAN DARI PAPAR – BEAUFORT - SIPITANG BERADA PADA TAHAP KEUPAYAAN JALAN (*LEVEL OF SERVICE* ATAU LOS) KATEGORI A IAITU TRAFIK LANCAR (*FREE-FLOW TRAFFIC*).

SETERUSNYA, DENGAN MENGAMBIL KIRA TAHAP KEUPAYAAN JALAN SEMASA DAN KADAR KENAIKAN TRAFIK TAHUNAN (*TRAFFIC ANNUAL GROWTH*), ISIPADU TRAFIK UNTUK JANGKA MASA SEPULUH (10) TAHUN DIUNJURKAN BAGI MENDAPATKAN TAHUN KAPASITI JALAN. KEPUTUSAN ANALISA MENDAPATI BAHAWA TAHUN KAPASITI JALAN DARI PAPAR – BEAUFORT - SIPITANG DIJANGKA SESAK ADALAH PADA TAHUN 2016.

WALAUBAGAIMANAPUN, KEMENTERIAN KERJA RAYA AKAN MENYENARAIKAN KEDUA-DUA CADANGAN PROJEK INI DALAM PERMOHONAN RMK-10 NANTI.

SOALAN NO: 24

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.03.2009

YB Jelutong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana dana *Stimulus Package* sejumlah RM7 bilion yang diumumkan pada November 2008 telah dibiayai setakat ini, dan sila berikan butiran terperinci bagi pihak-pihak penerima dana tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama bernilai RM7 bilion yang diumumkan oleh Kerajaan pada 4 November 2008 bertujuan untuk mengukuhkan lagi daya tahan negara dan mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dalam menghadapi persekitaran global yang semakin mencabar.

2. Program dan projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama sebanyak RM7 bilion sedang giat dilaksanakan. Sehingga kini, RM6.5 bilion telah diagihkan kepada Kementerian dan agensi yang berkilatan. Daripada jumlah tersebut, 14,255 projek berjumlah

RM1.584 bilion sedang dilaksanakan. Ini termasuk 6,621 projek di bawah Program Penyenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), 2,118 projek oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 1,594 projek oleh Kementerian Pelajaran, 2,125 projek oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan 1,322 projek oleh Kementerian Kesihatan. Adalah dijangkakan menjelang bulan Jun 2009, jumlah keseluruhan kerja yang dapat ditawarkan serta dilaksanakan bagi memenuhi sasaran Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama ini bernilai RM5.2 bilion.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran]

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT : 18.03.2009

SOALAN : NO. 25

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah-langkah tegas yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan pihak televisyen khususnya televisyen swasta yang tidak menyiarkan siri-siri tempatan tetapi menampilkan pelakon-pelakon yang berpakaian di luar adat ketimuran, menjolok mata dan berambut panjang yang boleh mempengaruhi budaya sosial masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa mengambil langkah-langkah tegas terhadap stesen-stesen TV yang menyiarkan kandungan yang bercanggah dengan peraturan serta garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Tindakan penguatkuasaan termasuk melaksanakan pemantauan siaran TV, penyiasatan terhadap aduan-aduan yang diterima dari orang ramai berhubung dengan kandungan siaran TV yang bersifat negatif dan melanggar peraturan-peraturan di bawah syarat-syarat lesen dan Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia (AKM '98).

Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (FKKM) atau Communication and Multimedia Content Forum (CMCF) juga diberi kuasa untuk mengenakan hukuman berbentuk denda kepada

ahli-ahlinya yang didapati melanggar peruntukan-peruntukan Kod Kandungan.

Kedua-dua badan ini iaitu SKMM dan CMCF telah mewujudkan biro aduan masing-masing di mana orang ramai boleh mengemukakan aduan mengenai program TV yang didapati menjolok mata dan tidak sesuai dengan garis panduan yang telah ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, tindakan undang-undang di bawah AKM '98 juga boleh dikenakan kepada mana-mana badan penyiaran TV swasta yang didapati melanggar Kod Kandungan atau lain-lain peruntukan undang-undang berhubung industri penyiaran. Pihak SKMM telah mengambil tindakan sewajarnya melalui peruntukan undang-undang sedia ada seperti memberi amaran keras dan mengenakan denda kepada badan-badan penyiaran yang telah disabitkan kesalahan. Stesen-stesen TV swasta telah dikenakan denda sebanyak RM110,000 pada tahun 2008 akibat pelanggaran syarat-syarat lesen berhubung kandungan bahan penyiaran.

Dalam hubungan ini SKMM komited bagi memastikan stesen-stesen Televisyen Swasta mematuhi syarat-syarat lesen Pemberi Khidmat Aplikasi Kandungan (Content Application Service Provider – CASP),

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM '98), Kod Kandungan serta tapisan kandungan siaran oleh Lembaga Penapis Filem (LPF) Kementerian Dalam Negeri.

Antara Syarat-syarat Khas Lesen stesen-stesen TV swasta menyatakan seperti berikut;

1. Tidak menyiarkan kandungan yang menyinggung sensitiviti agama, bangsa dan budaya mana-mana masyarakat di Malaysia.

2. Tidak menyiarkan apa-apa jua kandungan yang bertentangan dengan budaya dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia mahupun kandungan yang tidak menyumbang kepada aspirasi nasional.

Walaupun Kod Kandungan serta AKM '98 tidak mempunyai sebarang peruntukan khusus berkenaan dengan etika pemakaian artis, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bekerjasama rapat dengan pihak LPF untuk memastikan bahawa kesemua bahan siaran yang dirakam adalah ditapis terlebih dahulu

oleh pihak LPF dan diluluskan penyiarannya sebelum ianya disiarkan.

Sebagai langkah pengawalseliaan tambahan, Kementerian juga telah menerajui penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Bagi Pemantauan Siaran Televisyen dan Radio Swasta dan Awam (JKPSTRASS) yang ditubuhkan pada tahun 2004. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KTAK dan dianggotai oleh pegawai kanan pelbagai agensi termasuk pihak SKMM dan semua Kementerian yang mempunyai kepentingan dalam industri penyiaran.

Jawatankuasa ini bertindak sebagai saluran dua hala untuk memastikan pematuhan terhadap dasar kerajaan dan juga mendengar pendapat industri untuk pertimbangan kerajaan. Jawatankuasa ini juga memainkan peranan dalam menasihati pihak penyiar terhadap kandungan yang disiarkan agar tidak membawa gejala yang negatif yang boleh mempengaruhi budaya sosial masyarakat tempatan.

****

SOALAN NO.: 26

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH : 18 MAC 2009

SOALAN :

Tan Hee Lay Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah tahap pencemaran tasik lombong di kawasan PJS 3 di Petaling Jaya dan apakah langkah-langkah yang telah dibuat untuk mengatasi masalah pencemaran daripada tasik lombong ini agar kesihatan penduduk di kawasan tersebut tidak terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan pemantauan yang dilakukan oleh pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). tahap pencemaran di tasik kawasan PJS 3 Petaling Jaya adalah di dalam keadaan terkawal.

Sehingga kini pihak MBPJ masih membuat rawatan menggunakan bahan kimia bagi menyurangkan bau busuk daripada tasik tersebut.

Untuk penyelesaian jangka masa panjang, kerja-kerja menimbus tasik lombong berkenaan sedang diteruskan oleh pemilik tanah tersebut sehingga keseluruhan tasik ditimbus sepenuhnya. Sehingga kini kerja-kerja penimbusan telah mencapai sehingga 85%.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN)**
TARIKH	:	**18.03.2009**

SOALAN:

Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada S.K. St. Teresa, Serian akan dipindahkan ke lokasi lain. Kalau ya, bilakah ianya dijangka akan dipindahkan. Kalau tidak, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk membaik pulih bangunan-bangunan yang ada sekarang sudah disahkan oleh JKR sebagai tidak selamat digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SK St. Teresa, Serian adalah merupakan sekolah bantuan kerajaan. Memandangkan bangunan sekolah bukan milik kerajaan, maka segala perancangan untuk membangunkan dan membaikpulih bangunan adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pengurus Sekolah. Sungguhpun begitu, Kementerian ada menyediakan peruntukan bantuan modal bagi sekolah-sekolah bantuan kerajaan khusus untuk tujuan penyelenggaraan dan perolehan harta modal.

Bagi SK St. Teresa, Serian, pihak Lembaga Pengurus Sekolah merancang untuk mengambil balik tapak dan bangunan sedia ada sekolah tersebut untuk tujuan lain. Oleh kerana perancangan pihak Lembaga Pengurus Sekolah hanya dimaklumkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Sembilan, maka dengan

itu kerajaan hanya merancang untuk membina Sekolah Kebangsaan baru di kawasan berkenaan dalam kajian separuh penggal RMKe-9. Sehingga kini, tapak sekolah baru telah dikenalpasti dan dimohon daripada kerajaan negeri. Walau bagaimanapun SK St. Teresa ini telah diluluskan RM50,000.00 (2004), RM30,000.00 (2005), RM10,000.00 (2007) dan RM10,000.00 (2008) untuk tujuan pembaikan bangunan.

Rjm 91

SOALAN NO: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 18 MAC 2009

RUJUKAN : 1611

Soalan :

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kertas Putih akan dikeluarkan terhadap tangkapan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), terutamanya tangkapan ISA terhadap HINDRAF 5 yang masih berada di Kem Kamunting. Adakah alasan mereka masih ditahan di bawah ISA dan tidak dilepaskan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bendera yang mengemukakan soalan. Untuk makluman Yang Berhormat, pada ketika ini, Kerajaan belum bercadang untuk mengeluarkan Kertas Putih mengenai tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960, termasuk tahanan (5) pemimpin kumpulan haram HINDRAF.

Penahanan mereka pada 13 Disember 2007 selama (2) tahun di bawah AKDN 1960 dibuat kerana penglibatan mereka dalam aktiviti atau kegiatan yang boleh menjejaskan keselamatan negara dan ketenteraman awam dengan mengadakan perhimpunan-perhimpunan haram yang bertukar kepada keganasan dengan mengakibatkan kerosakan yang signifikan, seperti kerosakan harta benda awam dan kecederaan serius terhadap anggota polis, membangkitkan hasutan-hasutan dan menganjurkan forum-forum di mana aktiviti-aktiviti tersebut telah membangkitkan sentimen perkauman dan berpotensi mencetuskan ketegangan hubungan antara kaum.

Untuk maklumân Yang Berhormat, pihak Kerajaan sentiasa membuat penilaian yang teliti dari masa ke semasa terhadap semua tahanan di bawah AKDN 1960 dan membuat pertimbangan yang sewajarnya sama ada penahanan tersebut boleh dilanjutkan atau sebaliknya. Dalam hal ini, pihak Kerajaan perlu mengambil kira tahap pemulihan mereka berdasarkan situasi keselamatan semasa, terutama

ancaman yang timbul dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pemimpin-pemimpin pelapis dan penyokong kumpulan haram HINDRAF setelah pertubuhan tersebut diharamkan pada 13 Oktober 2008.

Berdasarkan tahap penglibatan mereka yang serius dalam aktiviti-aktiviti kumpulan haram HINDRAF dan mengambil kira situasi keselamatan semasa, Kerajaan pada masa ini masih tidak dapat mempertimbangkan pembebasan kelima-lima tahanan terbabit.

No : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)

TARIKH : 18 MAC 2009 (RABU)

SOALAN NO. 29

Dato' Mohd Jidin Bin Shafee (Setiu) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

(a) mengenai kesan atau impak Penguatkuasaan Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007 terhadap pertubuhan belia; dan

(b) sejauh manakah ia dilihat telah menyumbangkan kepada pembangunan golongan belia di negara ini.

JAWAPAN

(A)

1. Penguatkuasaan Akta ini berupaya memberi kesan dan impak yang besar kepada keberkesanan pengurusan sebenar pertubuhan belia sebagai organisasi orang muda berumur 15 hingga 40 tahun atau 41% daripada 27,728,700 juta penduduk rakyat Malaysia (Sumber rujukan daripada Buku Statistik Perangkaan 2008, Jabatan Perangkaan Negara Edisi Oktober 2008). Hasil daripada penguatkuasaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, boleh dinyatakan seperti berikut:-

1. Penyelarasan program-program seperti sifat pembangunan belia, bantuan pengupayaan kewangan dan aspek latihan kepimpinan serta keusahawanan belia dipantau serta dikawal oleh pihak Kementerian,
2. Hasil dari pelaksaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, sebanyak 4267 buah pertubuhan belia telah berdaftar dengan Pejabat Pertubuhan Belia,
3. Hasil dari pelaksaan Akta ini juga memberikan impak yang besar di mana ramai pemimpin muda muncul di mana had umur belia yang ditafsirkan oleh Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia adalah 15 – 40 tahun,
4. Pihak Kementerian akan bertanggungjawab terhadap kawal seliaan dan pemantauan ke atas semua pertubuhan belia yang didaftarkan di bawah Akta ini; dan
5. Pihak Kementerian juga, mendapat maklumat aktiviti, kajian kes, membuat perancangan pembangunan belia dan apa juga maklumat tentang belia yang tepat serta terperinci melalui "RESEARSH AND DEVELOPMENT" yang dihasilkan oleh institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia . Ini dapat membantu pihak Kementerian merangka program yang sesuai dalam menangani isu-isu belia pada masa kini

(B)

2. Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 yang telah diluluskan di Parlimen pada tahun 2007 dan telah dikuatkuasakan pada 31 Disember 2007 telah memberi sumbangan bermakna

kepada golongan belia walaupun ianya baru dikuatkuasakan kurang satu tahun setengah (1 ½ tahun) yang lalu:

Antara sumbangan Akta ini kepada pembangunan golongan belia ialah:

i. Pentakrifan Had Umur Belia

Menerusi Akta 668 ini, umur belia telah ditakrifkan antara 15 hingga 40 tahun. Implikasi had umur ini ialah ia telah menyebabkan program pembangunan belia semakin berfokus kepada kumpulan sasar yang spesifik dan memberi ruang seluasnya kepada golongan belia yang 'sebenar' bagi menyertai program-program yang dianjurkan oleh kementerian.

ii. Penubuhan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia

Bahagian III, Akta 668 telah mensyaratkan supaya semua pertubuhan belia untuk berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia yang diwujudkan di bawah KBS. Kesan pendaftaran ini ia akan memberi KBS ruang untuk melaksanakan bimbingan dan pemantauan serta penasihatan kepada pertubuhan belia dengan lebih berkesan. Dapat dilihat bahawa pada masa kini jumlah pendaftaran pertubuhan belia dengan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia, KBS telah melebihi 2500 persatuan dan jumlah ini akan meningkat dari semasa ke semasa.

Jika trend ini berterusan adalah disasarkan dalam masa 2009 hingga 2010 kita akan dapat mewujudkan pertubuhan belia diseluruh kawasan komuniti masyarakat dan ini sudah tentunya akan memberikan alternatif gaya hidup kepada belia dan gerakan pertubuhan belia akan dapat dihidupkan kembali.

iii. Pewujudan Majlis Perundingan Belia Negara

Bahagian V, Akta 668 telah menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) secara rasminya. Kesan penubuhan ini dapat dilihat dengan jelas bila mana pada masa kini MPBN bukan hanya diwujudkan di peringkat kebangsaan malah turut dizahirkan diperingkat negeri dan daerah.

Pada tahun 2008, dalam persidangan yang diadakan dalam usaha menangani isu-isu belia semasa, MPBN telah bersetuju untuk menubuhkan 4 jawatankuasa iaitu menurut kuasa yang diberikan melalui Seksyen 43 (1). Jawatankuasa tersebut ialah:

a. Jawatankuasa Menangani Isu dan Gejala Sosial Belia
b. Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi dan Keusahawanan Belia
c. Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan Belia
d. Jawatankuasa Perpaduan dan Patriotisme belia

Persidangan MPBN pada tahun 2008 juga telah berjaya menzahirkan beberapa cadangan program untuk dilaksanakan oleh KBS dan antara program tersebut ialah:

a. Program Memperkasa Pertubuhan Belia iaitu pemberian bantuan sebanyak RM 3,000 kepada pertubuhan belia peringkat komuniti.

b. Pemberian bantuan kepada pertubuhan belia dengan berasaskan kepada sistem *rating* iaitu dengan berdasarkan kepada profil persatuan dari segi bilangan ahli, jumlah aktiviti dan keaktifan serta keberkesanan pengurusan persatuan.

c. 'Satu Komuniti Satu Persatuan' – mewujudkan persatuan belia diseluruh kawasan komuniti belia.

d. Generasi Bebas Jenayah – Memberi pendidikan dan maklumat tepat kepada belia mengenai perlakuan jenayah dan mengurangkan penglibatan belia dalam aktiviti tidak sihat.

e. Radio Belia – saluran alternatif penyampaian maklumat berkaitan dengan program/aktiviti pembangunan belia di semua peringkat.

iv. Pengiktirafan Pertubuhan Belia

Akta 668 telah mengiktiraf Majlis Belia Malaysia sebagai Badan Induk Pertubuhan Belia [Seksyen 49 (1)]. Implikasi seksyen ini ia telah menterjemahkan bahawa kerajaan telah mengiktiraf pertubuhan belia sebagai satu entiti yang penting dalam proses pembangunan negara. Selain itu pertubuhan belia akan dilibatkan dalam jalinan kerjasama dengan KBS dan kerajaan dalam menjalankan program dan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan belia (Seksyen 50 (b)].

v. Penubuhan Institusi Penyelidikan

Proses pembangunan belia pada masa kini tidak boleh lagi sekadar bertujuan untuk mengisi masa lapang belia. Sebaliknya ia harus bertujuan untuk memenuhi agenda yang lebih besar daripada itu. Bagi tujuan tersebut proses pembangunan belia perlu berteraskan kepada penemuan-penemuan data yang spesifik dan sahih. Untuk tujuan tersebut KBS menerusi Seksyen 55 (1) telah menubuhkan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Semenjak ditubuhkan institut penyelidikan ini telah berjaya menghasilkan beberapa penemuan penting yang pada masa kini menjadi sumber rujukan utama dalam bidang pembangunan belia. Antara hasil dapatan kajian tersebut ialah:

a. Indeks Belia Malaysia
b. Pemetaan Belia Malaysia

Soalan No.30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **YB. TUAN CHUA TIAN CHANG**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **18.03.2009**

YB. Tuan Chua Tian Chang (Batu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan;

(a) berapakah jumlah dana telah diterima oleh Valuecap Sdn Bhd daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sehingga hari ini; dan

(b) senaraikan nama-nama syarikat dan jumlah dana yang dilaburkan serta peratusan saham dipegang oleh ValueCap sehingga hari ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2009, Valuecap Sdn. Bhd. telah menerima suntikan dana sebanyak RM2 billion daripada RM5 billion pinjaman dari KWSP. Valuecap

seterusnya telah melaburkan nilai tersebut di Bursa Malaysia dalam saham-saham syarikat berasaskan proses penilaian di bawah mandat pelaburan yang diluluskan oleh pihak Lembaga Pengarah.

2. Berdasarkan kepada maklumat yang belum diaudit, nilai pasaran saham Valuecap pada 31 Disember 2008 adalah sebanyak RM8.021 billion. Pelaburan Valuecap dalam syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia meliputi saham-saham 'blue-chip' dari pelbagai sektor antaranya termasuklah sektor kewangan (seperti Public Bank, Bumiputra Commerce), produk pengguna (seperti British American Tobacco, Nestle), perladangan (seperti IOI Corp), urus niaga/perkhidmatan (Digi, Telekom, MISC).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. DATO' LILAH BIN YASIN**
[JEMPOL]

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT : **18 MAC 2009 (RABU)**

SOALAN : **NO. 31**

SOALAN

Minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah perancangan kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air di Daerah Jempol dan berapakah peruntukan yang telah diluluskan untuk menggantikan paip-paip yang telah uzur.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada umumnya, bekalan air di Daerah Jempol adalah mencukupi di mana kebanyakan kawasan mendapat bekalan air secara berterusan selama 24 jam. Dalam hal ini tidak timbul masalah kekurangan bekalan air seperti dibangkitkan. Walau bagaimanapun, dalam situasi tertentu, tidak dinafikan wujud gangguan bekalan air di beberapa kawasan berkepadatan penduduk yang tinggi. Gangguan ini berpunca daripada beberapa faktor seperti permintaan bekalan air yang terlalu tinggi pada musim-musim perayaan dan pada musim cuti yang panjang sehingga tidak dapat ditampung lagi. Faktor-faktor lain yang berkaitan adalah seperti kehilangan air yang tinggi (NRW), sistem paip retikulasi yang telah uzur dan keupayaan rawatan air di Loji Rawatan Air Jempol yang telah mencapai tahap maksimum.

Bagi mengatasi gangguan bekalan air yang telah disebutkan tadi, kerajaan telah mengambil beberapa pendekatan jangka pendek dan panjang, di mana beberapa program dilaksanakan secara

berperingkat dan menurut keutamaan bergantung kepada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan. Antara program yang telah dilaksanakan adalah penggantian paip lama, program kawalan kehilangan air (NRW) dan menaik taraf loji air.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi program penggantian paip-paip uzur di daerah ini yang merupakan satu program yang berterusan, jumlah keseluruhan kos terlibat adalah dianggarkan sebanyak RM280 juta. Pada masa ini, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan program ini secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan. Pada tahun 2008, Kerajaan Negeri telahpun membelanjakan sebanyak RM1.5 juta untuk tujuan tersebut.

Di bawah program NRW pula, peruntukan sebanyak RM15 juta telah disediakan dalam RMKe-9 dan projek dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh rancangan. Program ini bertujuan untuk mengurangkan kadar kehilangan air di Daerah Jempol daripada 47 % kepada 25 %. Pengurangan ini akan menjadikan pengagihan air

lebih cekap dan menyeluruh. Bagi meningkatkan pengeluaran air terawat di Daerah Jempol, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan program menaiktaraf Loji Rawatan Air Jempol yang dapat meningkatkan pengeluaran daripada 7 juta gelen sehari kepada 10 juta gelen sehari. Bagi mencapai tujuan tersebut, kerajaan telah menyediakan peruntukan berjumlah RM42 juta di bawah RMKe-9.

****

No Soalan : 32

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI (TANAH MERAH)

TARIKH : 18 MAC 2009

SOALAN :

Minta **Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan tindakan terhadap kegagalan KESEDAR dalam menyediakan kemudahan asas (air bersih dan jalan-jalan kampung) kepada penduduknya seperti

KESEDAR Kg. Peralla, Kg. Air Naga dan lain-lain tempat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Masalah bekalan air bersih hanya dihadapi di Rancangan Pemulihan Tanah (RPT) Peralla. Manakala di Kg. Air Naga dan lain-lain tempat di dalam kawasan KESEDAR masalah air bersih telah dapat diatasi. Bagi menyelesaikan masalah di RPT Peralla, pihak KESEDAR telah pun melaksanakan projek bekalan air dengan membina sebuah loji air dan menggunakan enjin generator elektrik untuk menyalurkan bekalan air kepada 150 buah rumah pada tahun 2001.

Bagi tahun 2009, KESEDAR akan memperuntukan sebanyak RM500,000.00 untuk menaiktaraf sistem bekalan air di kawasan tersebut dalam usaha

untuk meningkatkan kualiti bekalan air yang diterima oleh penduduk.

Bagi projek jalan kampung pula, KESEDAR telah membina sejumlah 22 jalan kampung dengan panjang keseluruhan 55 km dengan kos RM14.3 juta di kawasan Kg. Peralla dan Kg. Air Naga. Di samping itu, KESEDAR juga telah membina 15 jalan pertanian dengan panjang keseluruhan 26 km dengan kos sebanyak RM1.45 juta untuk kemudahan masyarakat Kg. Peralla dan Kg. Air Naga.

Dalam hal ini, KESEDAR telah berjaya menyediakan infrastruktur asas untuk kemudahan penduduk luar bandar bagi memastikan kepentingan penduduk luar bandar sentiasa terpelihara.

SOALAN NO: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK MD. SIRAT BIN ABU

TARIKH: 18 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. DATUK MD. SIRAT BIN ABU [Bukit Katil] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berikutan kesan kemelesetan ekonomi yang melanda dunia adakah kilang-kilang perusahaan di negara ini turut mengalami kemelesetan ekonomi, berapa banyak kilang yang ditutup dan berapa ramai pula pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja.

PR-1221-L16633

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Krisis ekonomi global yang sedang berlaku memberi kesan kepada banyak negara. Walaupun tidak terlalu terjejas berbanding negara-negara lain, Malaysia tidak terkecuali daripada tempias krisis tersebut. Sektor-sektor yang agak terjejas oleh krisis ekonomi adalah sektor pembuatan khususnya subsektor elektronik, elektrik dan tekstil dan pakaian.

Bagi tempoh 1 Oktober 2008, sehingga 13 Mac 2009, sejumlah 4,543 pekerja daripada sektor pembuatan telah diberhentikan kerja kerana majikan telah menutup perniagaan. Penutupan ini melibatkan sebanyak 50 majikan.

SULIT

SOALAN NO: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR]**
TARIKH	:	**18 MAC 2009**
RUJUKAN	:	**1615**

PERTANYAAN :

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan bilangan penduduk rakyat Malaysia yang telah hilang kerakyatan dan bilangan rakyat asing dari Filipina dan Indonesia khasnya di Sabah yang telah mendapat kerakyatan negara ini sejak tahun 1970 sehingga sekarang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sepanggar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 1970 hingga 2008, seramai **114,912 orang** warganegara Malaysia telah hilang taraf kerakyatan atau taraf kewarganegaraan Malaysia. Dari jumlah tersebut, seramai **106,577 orang** telah menolak taraf kewarganegaraan Malaysia manakala seramai **8,335 orang** telah dilucutkan taraf kewarganegaraan.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan bilangan rakyat asing dari Filipina dan Indonesia yang telah mendapat kerakyatan negara ini, ingin saya maklumkan di sini bahawa dari tahun 1993 hingga 2008, seramai **18 orang warganegara Indonesia** dan **5 orang warganegara Filipina** telah diluluskan permohonan taraf kewarganegaraan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian tidak dapat mengemukakan statistik bagi tahun 1992 dan tahun-tahun sebelumnya kerana rekod tersebut tidak dapat dikesan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

NO. SOALAN: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. Datuk Bung Mokhtar Radin
TARIKH : 18 Mac 2009

SOALAN:

Y.B. Datuk Bung Mokhtar Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang keberkesanan serta tahap pelaksanaan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) sehingga ke tahap ini dan kesannya terhadap masyarakat luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi **tahap pelaksanaan projek-projek SDC**, setakat ini, pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah telah memulakan pelaksanaan 15 projek atau 27.7% daripada 54 program dan projek yang diperakukan di bawah SDC. Kebanyakannya masih melibatkan perincian pelan pelaksanaan serta kerja-kerja awalan seperti kajian, reka bentuk terperinci, penilaian impak alam sekitar (EIA), kajian tanah dan penyediaan tapak. Sebahagian besar projek-projek SDC lain akan mula dilaksana dalam tempoh suku kedua hingga keempat tahun 2009.

Dari segi perancangan, pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telahpun memuktamadkan senarai program/projek SDC pada bulan Oktober 2008 manakala peruntukan kewangan yang diperlukan bagi memastikan program/projek SDC dapat dilaksana dengan segera, juga telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sabah. Setakat ini, sebanyak RM559.96 juta telah disalurkan daripada sejumlah RM2.376 bilion yang diperuntukkan kepada SDC. Walau bagimanapun, dari segi pelaksanaan pula, pelaksanaan program/projek di SDC masih agak perlahan jika dibandingkan dengan koridor-koridor yang lain. Ini kerana jentera pelaksanaan di peringkat negeri iaitu *Sabah Economic and Investment Authority* (SEDIA), sebagai pihak berkuasa koridor yang bertanggungjawab melaksanakan program/projek SDC, masih belum beroperasi kerana baharu sahaja diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah pada 15 Januari 2009 lalu. Kerajaan Negeri Sabah masih belum menggazet penubuhan SEDIA serta pegawainya belum dilantik. Oleh itu, walaupun pada masa sekarang pihak UPEN Sabah bertindak sebagai penyelaras sementara bagi projek-projek SDC, namun keadaan ini, sedikit sebanyak menyebabkan usaha pelaksanaan program/projek SDC tidak dapat diberi tumpuan sepenuhnya. Sehubungan itu, perkara penubuhan dan keupayaan SEDIA ini perlulah ditangani segera oleh pihak Kerajaan Negeri supaya program/projek SDC dapat dilaksana segera mengikut jadual.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun pelaksanaan SDC masih belum berjalan sepenuhnya, tetapi Kerajaan percaya, dari segi **jangka panjang,** faedah daripada pelaksanaannya akan dinikmati oleh semua rakyat Sabah, termasuklah

masyarakat di luar bandar, terutamanya dari segi penyediaan lebih banyak peluang pekerjaan dan peningkatan kualiti hidup. Kita bukan lagi cakap-cakap sahaja tetapi komited untuk mencapai hasrat pembangunan yang lebih seimbang. Usaha pembangunan SDC juga adalah merupakan salah satu keutamaan Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan, dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah, akan memastikan pihak berkuasa koridor SDC iaitu SEDIA, melaksana dengan segera dan memantau pembangunan SDC dengan bersungguh-sungguh, supaya matlamat SDC dapat dicapai. Pembangunan SDC juga akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negeri yang lebih pesat dan seterusnya membolehkan kesannya dapat dirasai oleh semua rakyat Sabah.

SOALAN NO: 36

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN GWO-BURNE LOH**
TARIKH	:	**18 MAC 2009 [RABU]**
SOALAN	:	**Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah segera untuk melarang semua pengimport ayam dari Shandong, supaya penyakit ini tidak merebak ke negara ini.
JAWAPAN	:	**Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini, menurut pihak berkuasa veterinar negara China, wilayah Shandong masih bebas daripada penyakit selesema burung pada ternakan unggas. Manakala berdasarkan laporan daripada Pejabat Kaunselor Pertanian di Beijing, sehingga akhir Februari 2009, tiada kes terbaru jangkitan penyakit selesema burung terhadap manusia dilaporkan di China.

Walau bagaimanapun, lanjutan daripada satu kes jangkitan penyakit selesema burung pada manusia di wilayah Shandong pada awal Januari 2009, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani hanya membenarkan pengimportan produk ayam yang telah dimasak sahaja ke Malaysia

berkuatkuasa 23 Januari 2009 bagi memastikan ianya tidak mendatangkan risiko wabak penyakit berkenaan di negara ini.

Ini adalah selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan di bawah *Terrestrial Animal Health Code* yang diterbitkan oleh *the Office International des Epizooties* (OIE) atau *World Animal Health Organization* yang menggariskan bahawa, penggunaan produk ayam yang telah dimasak sekurang-kurangnya pada suhu 80°C selama 1 minit, tidak menimbulkan risiko jangkitan penyakit yang tinggi. Garis panduan ini juga selaras dengan keperluan *Sanitary and Phyto-sanitary* (SPS) yang menjadi rujukan *World Trade Organization* (WTO).

Di samping itu, pemantauan juga dilakukan di pintu-pintu masuk negara agar syarat-syarat pengimportan yang ditetapkan oleh Kerajaan dipatuhi sepenuhnya serta menjalankan persampelan untuk ujian makmal. Manakala pengimportan produk ayam yang mentah adalah tidak dibenarkan.

SOALAN NO : 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : **LISAN**

Daripada : **TUAN LIANG TECK MENG**
[SIMPANG RENGGAM]

Tarikh : **RABU, 18 MAC 2009**

SOALAN

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan berapa ramai penonton di negeri Johor yang menonton rancangan RTM berbanding dengan TV stesen Singapura. Bagaimanakah RTM dapat menarik balik penonton-penonton pelbagai bahasa di negeri Johor untuk menonton TV stesen negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada YB Simpang Renggam atas soalan yang dikemukakan. Setakat ini, tiada data yang dapat menunjukkan bilangan penonton RTM berbanding penonton saluran Singapura di Johor kerana *ratings* yang disediakan oleh agensi *ratings* adalah bagi seluruh negara dan tidak memfokus kepada sesebuah negeri. Walau bagaimanapun, RTM bersedia mengkaji cadangan bagi menjalankan kajian mengenai penonton RTM di Johor. Perancangan

meningkatkan bilangan penonton RTM pula dibuat dengan mengambil kira keperluan penonton pelbagai kaum di seluruh negara.

Soalan No:38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ (SUNGAI SIPUT)**
PERTANYAAN : **LISAN**
TARIKH : **18.03.2009**

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah bilangan ahli aktif KWSP mengikut jumlah sumbangan bulanan majikan mereka mengikut pecahan:

a) di bawah RM10 sebulan dan di antara RM11 hingga RM100; dan
b) antara RM101 dan RM200 sebulan dan antara RM201 dan RM300 sebulan serta seterusnya sehingga RM2000 sebulan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan ahli aktif KWSP yang mencarum pada bulan Disember 2008 adalah seramai 4,526,820 orang dengan caruman berjumlah RM2.51 bilion. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM1.35 bilion merupakan caruman majikan dan bakinya iaitu RM1.16 bilion merupakan caruman pekerja.

a) bilangan ahli aktif KWSP berdasarkan caruman bulanan (majikan dan pekerja) RM10 dan ke bawah dan di antara RM11 hingga RM100 adalah seperti berikut:

Caruman (RM) sebulan	Bilangan Ahli Aktif	%
10 dan ke bawah	4,300	0.09
11 – 100	311,778	6.89

b) bilangan ahli aktif KWSP berdasarkan caruman bulanan (majikan dan pekerja) RM101 dan RM200 sebulan dan antara RM201 dan RM300 sebulan serta seterusnya sehingga RM2000 sebulan adalah seperti berikut:

Caruman (RM) Sebulan	Bilangan Ahli Aktif	%
101 - 200	901,469	19.91
201-300	789,616	17.44
301-400	584,870	12.92
401-500	430,879	9.52
501-1000	992,775	21.93
1001-2000	361,505	8.00
>2000	149,628	3.30

SOALAN 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID (PADANG BESAR)

TARIKH : 18 MAC 2009

SOALAN:

YB. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID (PADANG BESAR) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kebenaran dakwaan bahawa Terengganu adalah sebuah negeri yang kedua tertinggi dari segi pendapatan tahunan berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung tetapi yang kedua tertinggi peratus kemiskinan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan bahawa negeri Terengganu merupakan negeri yang kedua tertinggi dari segi pendapatan tahunan berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia adalah benar. Walau bagaimanapun, berkaitan dengan dakwaan bahawa negeri Terengganu merupakan negeri kedua tertinggi dari segi peratus kemiskinan pula adalah tidak benar. Ini kerana berdasarkan maklumat daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2007, didapati Terengganu mencatatkan kadar kemiskinan sebanyak 6.5 peratus atau berada pada

kedudukan ketiga termiskin berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Dari segi bilangan isi rumah miskin dan miskin tegar pula menunjukkan Terengganu merupakan negeri yang mempunyai bilangan isi rumah sebanyak 14,900 orang yang masih dalam golongan miskin dan miskin tegar.

SOALAN NO. (40)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)
TARIKH	:	18 MAC 2009 (RABU)

SOALAN :

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah untuk memastikan kependudukan high-rise living adalah mampan dan sejauh mana Pesuruhjaya Bangunan diperkasakan untuk main peranannya dengan berkesan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menggubal Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] dengan tujuan untuk memperkemaskan kaedah penyenggaraan dan pengurusan bangunan bertingkat supaya penduduk di bangunan bertingkat dapat tinggal dalam persekitaran yang lebih selesa.

Sehubungan dengan ini, KPKT telah mewujudkan 64 Unit Pesuruhjaya Bangunan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mempunyai bangunan berstrata bagi membantu PBT dalam menguruskan penyenggaraan bangunan.

Bagi memperkukuhkan pelaksanaanya, seramai 112 orang pegawai dan kakitangan telah ditugaskan membantu PBT

dalam menguruskan Badan Pengurusan Bangunan Berstrata, melalui Akta 318 dan Akta 663.

Buat masa ini, KPKT sedang membuat pemantauan dan penilaian ke atas pelaksanaan Akta 663 bagi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan berkesan dan penambahbaikan secara berterusan ke atas Akta ini juga boleh dibuat. Dalam pada itu, satu jawatankuasa bersama peringkat jabatan telah ditubuhkan bagi menyelaras dan menambahbaik peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan pengurusan bangunan berstrata sepertimana yang terkandung dalam Akta 663 dan Akta 318.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

SOALAN NO.: 41

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS]

TARIKH : 18 MAC 2009

SOALAN :

Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sehingga kini sebahagian besar punca berlakunya banjir adalah kelemahan dalam penyediaan saliran dan perparitan di kawasan-kawasan perumahan atau pembangunan projek-projek termasuk projek Kerajaan, apakah perancangan Kerajaan bagi memastikan masalah ini tidak berterusan dan bukan menjadikan ia sebagai masalah bermusim:

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara perancangan Kerajaan dalam mengatasi kelemahan penyediaan saliran dan perparitan di kawasan perumahan dan projek pembangunan termasuk:

i) Menyediakan Pelan Induk Saliran Bandar dan melaksanakan cadangan yang disyorkan dalam pelan tersebut seperti pembinaan kolam takungan banjir dan saliran utama bagi mengurangkan kejadian banjir kilat.

ii) Membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menguatkuasakan "Undang-Undang Kecil Kerja Tanah" bagi mengurangkan banjir dan pencemaran kelodak melalui mekanisme "Ops Lumpur" yang mula dilaksanakan pada tahun ini di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

(42)

SOALAN NO:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' IBRAHIM ALI (PASIR MAS)

TARIKH : 18 MAC 2009

RUJUKAN : 1614

SOALAN :

Dato' Ibrahim bin Ali (Pasir Mas) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah permit akhbar (MEDIA) yang telah dikeluarkan setakat ini untuk akhbar harian, mingguan dan bulanan termasuklah majalah-majalah dan adakah permit-permit yang dikeluarkan ada yang ditarik balik dan nyatakan sebab-sebabnya, serta yang diberi amaran dan sebab-sebabnya.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Januari 2009 sebanyak 2665 permit penerbitan telah dikeluarkan bagi seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Sebanyak 27 amaran telah dikeluarkan kepada pelbagai jenis penerbitan atas pelbagai kesalahan kerana tidak menepati kandungan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984(AMCP 1984). Dalam hal ini, pendirian Kementerian berhubung dengan dasar kebebasan akhbar dan media cetak adalah amat jelas. Media cetak khususnya harus bertanggungjawab dengan setiap artikel dan berita yang dikeluarkan. Setiap maklumat yang diberi haruslah disampaikan dengan tepat dan betul. Oleh itu, Kementerian Dalam Negeri akan sentiasa menjalankan pemantauan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya ada penerbitan yang menjejaskan kepentingan dan keselamatan Negara.

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATO' SERI TENGKU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR (JERANTUT)**
TARIKH	:	**18 MAC 2009 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**43**

Y.B. DATO' SERI TENGKU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah peranan Kementerian untuk memberi fahaman kepada generasi muda sejarah Kesultanan Melayu di negara ini dan juga adat resam dan budaya Melayu ini terus kekal unggul di negara kita.

JAWAPAN

Tan Sri Yang Dipertua,

Peranan yang dimainkan oleh Kementerian ini untuk memberi kefahaman mengenai sejarah Kesultanan Melayu, adat resam dan budaya Melayu adalah melalui pelaksanaan pelbagai program/aktiviti yang memberi tumpuan khas kepada penglibatan generasi muda seperti bengkel (bengkel penyelidikan adat istiadat, bengkel-bengkel aprisiasi kesenian), kursus (kursus kepimpinan NGO Budaya, syarahan dan bicara seni budaya), pelaksanaan Program Merakyatkan Seni, dan pelaksanaan seni persembahan teater seperti Teater Tun Perak, Tun Fatimah, Puteri Hang Li Po, dan Siti Zubaidah.

Aktiviti promosi dan penyebaran maklumat mengenai sejarah Kesultanan Melayu dan seni budaya Melayu dilaksanakan secara berterusan dan meluas seperti pelaksanaan Program Pengkisahan Sejarah berkaitan 50 tahun pemerintahan DYMM Sultan Kedah Darul Aman, penyebaran penerbitan buku dan CD/DVD (buku : Adat Perpatih, Merafak Sembah: SPB YDP Agong XIII, Polemik Sejarah Malaysia, Tokoh-tokoh Seni Budaya, Siri Aprisiasi Seni dan banyak lagi) ke semua Perpustakaan Negeri/Desa, IPTA, IPTS, dan sekolah-sekolah seluruh negara.

Kementerian juga mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti National Geographic Channel untuk penerbitan filem dokumentari '*Becoming A King*'- mengisahkan pertabalan DYMM SPB YDP Agong ke 13 dan pelaksanaan pameran berkaitan sejarah Kesultanan Melayu dan seni budaya yang diadakan di dalam dan

luarbandar seperti Pameran Dirgahayu yang telah diadakan di Balai Seni Lukis Negara pada tahun 2005 dimana koleksi foto-foto di Raja dipamerkan untuk tatapan umum. Program-program serta aktiviti-aktiviti ini adalah merupakan usaha berterusan pihak Kementerian untuk memperkuatkan kefahaman dan rasa kecintaan masyarakat terhadap sejarah dan seni budaya Melayu.

SOALAN NO.: 44

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 18 MAC 2009

SOALAN :

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah rancangan-rancangan Kerajaan Pusat untuk menguatkuasakan garis panduan dan undang-undang yang berkaitan alam sekitar secara bersepadu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Strategi yang dilaksanakan adalah menjalankan pemeriksaan ke atas punca-punca pencemaran secara berkala oleh 15 pejabat Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri dan 24 cawangan JAS di seluruh negara.

Premis-premis yang tidak mematuhi peraturan-peraturan tersebut akan diberi keutamaan dalam pemeriksaan penguatkuasaan.

Bagi pencemaran yang diakibatkan dari punca-punca di luar bidangkuasa JAS seperti kerja-kerja tanah, aktiviti perlombongan pasir sungai dan pembuangan sampah-sarap, Kementerian memohon kerjasama agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan termasuklah orang ramai dan badan-badan bukan kerajaan (NGOs) supaya bersama-sama bertindak bagi mengawal, memantau dan menangani isu-isu tersebut secara bersepadu.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: 45

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ISMAIL HAJI MOHAMED SAID
[KUALA KRAU]

TARIKH : 18 MAC 2009

SOALAN :

Dato' Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membentuk satu undang-undang khusus bagi mengawal pencemaran sungai memandangkan undang-undang yang ada sukar untuk dilaksanakan dan tidak berjaya membendung masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan pengurusan sungai melibatkan pelbagai kementerian dan agensi, maka tindakan mengawal dan mencegah pencemaran sungai perlulah dilakukan secara bersepadu.

Sehubungan itu, Kementerian ini telah memperkenalkan konsep pengurusan sungai mengikut Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (atau *Integrated River Basin Management - IRBM)* dan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (atau *Integrated Water Resources Management - IWRM*). Bagi tujuan ini, Lembangan Sungai Muar di Negeri Johor telah dipilih sebagai projek perintis.

Dalam hal ini, Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan mengawal dan mencegah pencemaran punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 manakala agensi-agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Pertanian, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan sebagainya pula akan mengawal pencemaran dari punca-punca di bawah bidangkuasa masing-masing.

Selain itu, Kementerian ini melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan meneliti perkara-perkara seperti pertindihan kuasa, punca-punca pencemaran yang tidak dikawal oleh sebarang agensi, perundangan dan peruntukan perlembagaan serta contoh pengurusan sungai di negara-negara lain dan jika perlu mencadangkan agar satu undang-undang khusus bagi menguruskan sungai di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DR. LEE BOON CHYE**
KAWASAN	:	**GOPENG**
TARIKH	:	**18.03.2009 (RABU)**

Y.B. DR. LEE BOON CHYE minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan bilangan dan jenis AP kereta import yang diberikan setiap tahun mulai 2004-2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Lesen Import (AP) bagi kenderaan dikategorikan kepada dua iaitu AP Terbuka dan AP Francais.

Syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka dibenarkan untuk mengimport kenderaan baru dan terpakai bagi semua jenama kecuali kenderaan-kenderaan baru bagi jenama yang dikenakan sekatan import.

Bagi pemegang AP Francais pula, syarikat hanya dibenarkan mengimport kenderaan baru bagi jenama tertentu bergantung kepada perjanjian francais eksklusif dengan syarikat prinsipal di luar negara.

Tuan yang Di Pertua,

Pada tahun 2004, jumlah AP yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat pemegang AP Terbuka dan AP Francais ialah sebanyak 51,559 unit. Pada tahun 2005, sebanyak 57,083 unit telah dikeluarkan, manakala sebanyak 38,410 unit telah dikeluarkan pada tahun 2006 dan pada tahun 2007 sebanyak 27,312 unit. Bagi tahun 2008, jumlah AP yang telah dikeluarkan adalah sebanyak 40,886 unit.

****

SOALAN NO. 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI (BATANG SADONG)

TARIKH : 18 MAC 2009 (RABU)

SOALAN :

Y.B Puan Hajah Nancy Binti Haji Shukri (Batang Sadong) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan dasar Kerajaan untuk mencapai sasaran 30% wanita menjawat jawatan sebagai pembuat keputusan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam semua peringkat pembuat keputusan terutama di sektor awam dan sektor swasta. Atas kesedaran peri pentingnya penglibatan wanita dalam peringkat pembuat keputusan dan penghargaan kepada wanita yang telah menyumbang kepada pembangunan negara, Y.A.B. Perdana Menteri mengumumkan dasar sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor awam pada bulan Ogos 2004.

Hasil daripada pelaksanaan dasar tersebut, beberapa kemajuan khususnya dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah dapat dilihat di mana bilangan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam (JUSA) meningkat daripada 18.8% pada tahun 2004 kepada 22.8% pada tahun 2008. Bilangan wanita yang memegang jawatan peringkat pengurusan

tertinggi di badan berkanun turut menunjukkan perkembangan yang baik di mana peratusan wanita terus meningkat daripada 17.8% pada tahun 2004 kepada 21.3% pada tahun 2008.

Trend yang positif ini juga dapat dilihat di sektor swasta di mana peratusan wanita di peringkat pembuat keputusan seperti Presiden, Naib Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Besar Kanan telah meningkat daripada 13.5% pada tahun 2004 kepada 26.2% pada tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara usaha yang diambil bagi meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan ialah mengarusperdanakan gender di semua Kementerian dan agensi Kerajaan. Kementerian ingin memaklumkan bahawa Kerajaan mempunyai struktur yang komprehensif bagi mengarusperdanakan gender dalam proses pembangunan negara. Struktur tersebut termasuklah penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesaksamaan Gender yang

dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dianggotai oleh Menteri-menteri Kabinet. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menentukan dasar, hala tuju dan memantau pelaksanaan program berkaitan kesaksamaan gender. Dengan penubuhan Jawatankuasa tersebut, isu kesaksamaan gender telah diletakkan sebagai satu agenda utama Kerajaan untuk memastikan segala peraturan dan dasar Kerajaan akan lebih sensitif kepada keseimbangan antara lelaki dan wanita termasuk di peringkat pembuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain mempunyai struktur yang komprehensif, usaha meningkatkan kepekaan gender di kalangan pihak pengurusan tertinggi juga terus dipergiatkan. Ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan. Sesungguhnya penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan dapat memastikan perspektif gender diambil kira dalam penggubalan dasar dan perundangan serta perancangan dan pelaksanaan program.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mempercepatkan pencapaian sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan, KPWKM merangka Pelan Tindakan Ke Arah Mencapai Sekurang-kurangnya 30% Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan. Pelan Tindakan ini menggariskan tindakan yang perlu diambil oleh setiap agensi pelaksana bagi menggalakkan penyertaan wanita terutama dalam sektor awam dan sektor swasta. Matlamat jangka panjang Pelan Tindakan ini ialah untuk memastikan penyusunan semula pentadbiran dan perubahan institusi dilaksanakan bagi meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan ke arah mencapai kesaksamaan gender.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh]

TARIKH : 18 MAC 2009

SOALAN : ~~58~~ 48

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan dalam memastikan bekas penanam tembakau mendapat sumber pendapatan baru yang setanding dengan industri tembakau.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) telah berusaha membantu bekas-bekas penanam tembakau mendapat sumber pendapatan baru dengan menggalakkan bekas-bekas dan pengusaha tembakau ini menjalankan aktiviti penanaman tanaman integrasi yang melibatkan penanaman tembikai, keledek, jagung, pisang serta perusahaan ikan air tawar, ternakan lembu fidlot dan kambing. Program tanaman integriti ini telah dijalankan mulai tahun 2004. Pada tahun 2008 sahaja, aktiviti tanaman integrasi ini telah berjaya menjana hasil yang memberangsangkan iaitu sebanyak RM11.95 juta.

Disamping itu, Kerajaan juga telah mengenalpasti tanaman Kenaf sebagai tanaman alternatif untuk menggantikan tembakau. Walaupun pulangan atau pendapatan dari usaha penanaman Kenaf tidak standing dengan industri tembakau, dengan mengambil kira faktor agro-ekologi tanah BRIS yang kurang menyokong pertumbuhan tanaman selain tembakau maka tanaman kenaf telah didapati mempunyai potensi yang baik untuk ditanam sebagai tanaman alternatif kepada tembakau.

SOALAN NO : 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN**
		[ALOR GAJAH]
TARIKH	:	**18 MAC 2009**
SOALAN	:	

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk mendidik rakyat mengenai isu HIV/AIDS memandangkan ada kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh setengah pemimpin baru-baru ini yang memberi gambaran yang tidak betul. Adakah program-program yang dijalankan oleh Kementerian setakat ini berkesan.

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak Penyakit HIV dikesan di negara kita pada tahun 1986, Kerajaan telah menjalankan pelbagai aktiviti berterusan bagi mendidik rakyat tentang penyakit ini. Usaha mendidik rakyat dalam aspek HIV/AIDS diperhebatkan dimana AIDS dijadikan tema Kempen Cara Hidup Sihat pada tahun 1992. Kerajaan melalui Kementerian

Kesihatan Malaysia dan Majlis AIDS Malaysia sentiasa bekerjasama dalam meningkatkan pengetahuan rakyat tentang HIV/AIDS.

Pelancaran Pelan Strategik HIV/AIDS Kebangsaan 2006 hingga 2010 menggariskan enam (6) strategi dengan melibatkan pelbagai agensi Kerajaan, bukan kerajaan dan swasta untuk bersama dalam mendidik rakyat tentang HIV/AIDS.

Tuan Yang Dipertua,

Kajian penilaian kempen media yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2006/2007 mendapati sebanyak 99.0 peratus rakyat Malaysia tahu cara-cara jangkitan HIV. Sementara itu, sebanyak 88.7 peratus golongan lelaki yang terlibat dalam kajian tahu akan tanggungjawab yang perlu dilakukan bagi mengelakkan penyebaran HIV manakala sebanyak 93.3 peratus golongan wanita mengetahui hak-hak melindungi diri dari jangkitan HIV. Kerajaan beranggapan usaha-usaha pencegahan HIV tersebut telah menampakkan kesan yang positif dimana jangkitan HIV telah menurun mulai 2003 dengan kadar 27.0 peratus bagi setiap 100,000 penduduk kepada 13.3 peratus bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2008.

NO : 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)

TARIKH : 18 MAC 2009 (RABU)

SOALAN NO. 50:

Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan terdapat berapa buah syarikat pembekal yang masih belum menerima bayaran mereka atas perkhidmatan untuk Sukan Komanwel 98 (SUKOM). Adakah di antaranya Abu Bakar Mohamad (M) Sdn Bhd dan berapa jumlah yang masih belum dibayar kepada syarikat ini.

JAWAPAN

1. Sebagai makluman Yang Berhormat, syarikat Abu Bakar Mohamad (M) Sdn Bhd tiada di dalam senarai pemiutang SUKOM 98 BHD.

2. Menurut rekod dengan SUKOM 98 Berhad terdapat 13 syarikat dalam senarai pemiutang SUKOM 98 Berhad. Walau bagaimanapun kedudukan hutang-hutang ini tidak lagi boleh dituntut oleh syarikat-syarikat tersebut kepada SUKOM 98 Berhad oleh kerana masa 6 tahun dari tarikh transaksi asal telah luput sepertimana ditetapkan di bawah Akta Had Masa 1953 (Limitation Act, 1953).

SOALAN NO. 51

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN [PAPAR]

TARIKH : 18 MAC, 2009 (RABU)

SOALAN : Y.B. DATUK ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN [PAPAR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian sedar beberapa kawasan padi terjejas akibat projek naik taraf kereta api di negeri Sabah. Berapakah peruntukan yang disalurkan oleh pihak Kementerian untuk mengatasi perkara ini termasuk sistem saliran yang terjejas. Difahamkan kerugian para petani tidak ditanggung oleh projek naik taraf ini, apakah Kementerian akan membantu mengenai perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pihak Kementerian Pertanian tidak menyediakan peruntukan pampasan kerana projek ini di bawah tanggungjawab Syarikat Keretapi Tanah Melayu Bhd. dan di bawah Kementerian Pengangkutan.

2. Projek naik taraf dari Tanjung Aru, Kota Kinabalu Ke Tenom sepanjang 134 km telah dimulakan pada tahun 2005. Projek ini adalah di bawah tanggungjawab Syarikat Keretapi Tanah Melayu Bhd. Projek telah dilaksanakan oleh Syarikat Suria Capital Holdings Berhad. Kerja-kerja projek ini telah dimulakan pada 24 Nov, 2005 dan dijangka siap pada Jun, 2009.

3. Kerja-kerja pembinaan jambatan yang merintangi sungai Kinanduan telah bermula pada awal bulan Jun, 2007 dan berlaku banjir di kawasan mukim Limbahan Papar.

4. Tindakan segera telah diambil oleh pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Papar dengan membaiki kerosakan tersebut. Kerja-kerja pembaikan tersebut telah pun selesai di dalam tahun 2008. Luas kawasan pengairan yang terjejas adalah 80 hektar dengan bilangan petani 40 orang.

5. Isu tuntutan pampasan oleh petani-petani terlibat telah dibangkitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah Papar dan Jabatan Petani diminta mengambil tindakan menentukan kerosakan yang terlibat. Keretapi Tanah Melayu Bhd. Telah mencadangkan bayaran pampasan tersebut di tanggung oleh pihak kontraktor iaitu Syarikat Suria Capital Holdings Bhd melalui perlindungan insuran.

SOALAN NO : 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]**
TARIKH	:	**18 MAC 2009**
SOALAN	:	

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) bentuk-bentuk insentif yang diberikan kepada syarikat-syarikat tempatan yang memohon atau dikenal pasti berpotensi memajukan bidang perubatan alternatif bagi penyakit kronik; dan

(b) berapa banyak syarikat-syarikat dan produk yang telah diguna pakai oleh Kerajaan di hospital-hospital Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

a) Kementerian Kesihatan telah melancarkan Dasar Kebangsaan Perubatan Tradisional dan Komplementari (T&CM) pada tahun

2001. Matlamat utama kementerian adalah untuk memastikan amalan-amalan T&CM yang ditawarkan adalah selamat di samping menerapkan T&CM ke dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan. Dalam menerapkan amalan-amalan T&CM Kementerian menitik beratkan amalan-amalan yang mempunyai bukti saintifik (*evidence-based practice*). Pada masa ini Kementerian telah menyediakan perkhidmatan T&CM di tiga buah hospital dan 3 lagi akan diwujudkan dalam tahun 2009. Amalan-amalan yang ditawarkan adalah akupunktur, urutan tradisi Melayu dan ubat herba bagi rawatan sampingan penyakit barah. Pada masa ini Kementerian juga tidak menggunakan ungkapan perubatan alternatif kerana kebanyakan amalan-amalan T&CM lain yang terdapat sekarang ini masih belum mempunyai bukti-bukti yang kukuh dan dapat diterima pakai.

Dalam usaha untuk memartabatkan lagi bidang T&CM ini, satu Rang Undang-undang telah digubal bagi mengawal kualiti perkhidmatan supaya kepentingan rakyat terpelihara. Melalui penguatkuasaan undang-undang ini kelak, kesemua pengamal T&CM di negara ini wajib berdaftar dengan Kementerian Kesihatan. Justeru itu, kelayakan pengamal-pengamal dapat dikenal pasti dan rancangan selanjutnya untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan T&CM dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

b) Pada masa ini terdapat dua buah syarikat yang menyediakan perkhidmatan secara kontrak ke hospital integrasi iaitu kontrak membekalkan perkhidmatan akupunktur, urutan tradisi dan juga kontrak perkhidmatan onkologi herba.

SOALAN NO: 53

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **18.03.2009**

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelan lanjutan dalam memperkasa sistem kewangan Islam sebagai gantian kepada sistem kapitalis yang kini menjadi ancaman kepada keseluruhan sistem ekonomi dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah komprehensif untuk memperkasa dan membangunkan sistem kewangan Islam negara bagi memastikan sektor perbankan Islam terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Komitmen Kerajaan dalam pembangunan kewangan Islam di peringkat domestik dan antarabangsa diiktiraf apabila Malaysia dipilih menjadi tuan rumah kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (*Islamic Financial Services Board*), sebuah badan antarabangsa yang

bertanggungjawab untuk menetapkan piawaian pengawalseliaan untuk institusi kewangan Islam seluruh dunia.

2. Selain itu, Malaysia juga berkongsi kepakaran dalam sistem pengurusan sistem kewangan Islam di peringkat antarabangsa, seperti yang disarankan oleh Bank Pembangunan Islam (IDB), selaku institusi kewangan multilateral Islam yang penting. Pasukan Petugas Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global (*Task Force for Islamic Finance and Global Financial Stability)* telah ditubuhkan oleh IDB yang dianggotai oleh tokoh dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam global bagi menilai arkitektur sistem kewangan global dan sistem kewangan Islam, terutamanya bertujuan mengambil peluang untuk memperhebatkan penggunaan kewangan Islam, setelah timbulnya kemelut krisis kewangan global.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh]

TARIKH : 18 Mac 2009 (Rabu)

SOALAN : 78

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa lamakah kajian telah dibuat dan model manakah yang telah dirujuk dalam melaksana penguatkuasaan pemakaian tali pingganag keledar bagi penumpang di belakang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Peraturan penggunaan tali pinggang keledar di tempat duduk belakang telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2009 melalui Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Tali Pinggang Keledar) (Pindaan) 2008. Sebelum peraturan ini dikuatkuasakan, dua jenis kajian telah dijalankan di mana kajian dibuat ke atas kenderaan penumpang secara keseluruhannya dan bukan ke atas sesuatu model kenderaan secara spesifik. Kajian pertama adalah berkenaan dengan Rear Seat Availability and Accessibility yang

dijalankan selama sembilan hari ke atas 4,994 buah kenderaan penumpang dan hasil kajian menunjukkan 90% daripada kenderaan penumpang ini telah siap dipasang tali pinggang keledar di tempat duduk belakang atau pun telah mempunyai anchorage point bagi membolehkan tali pinggang keledar dipasang. Kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan kenderaan ini didaftarkan pada atau selepas 1 Januari 1995.

Tuan Yang Dipertua,

Kajian yang kedua pula, adalah untuk meneliti keberkesanan penggunaan tali pinggang keledar bagi penumpang belakang dalam mengurangkan kematian dan kecederaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa penumpang belakang yang tidak memakai tali pinggang keledar menghadapi risiko yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang memakai tali pinggang keledar semasa kemalangan jalan raya. Perangkaan bagi tempoh 2003 hingga 2005 menunjukkan seramai 222 penumpang belakang yang tidak memakai tali pinggang keledar di tempat duduk belakang menemui maut berbanding 24 yang memakai tali pinggang keledar.

Hasil kajian Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) di atas serta kajian di negara Jepun dan di Britian membuktikan bahawa terdapat pengurangan kes kematian dan cedera parah apabila penumpang belakang menggunakan tali pinggang keledar. Berdasarkan kajian-kajian tersebut, Kerajaan telah menguatkuasakan peraturan penggunaan tali pinggang keledar di tempat duduk belakang bagi kenderaan yang telah didaftarkan pada atau selepas 1 Januari 1995 bagi mengurangkan kadar kematian dan cedera parah semasa kemalangan jalan raya.

SOALAN NO: 55

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. MOHD PUAD BIN ZARKASHI [BATU PAHAT]**
TARIKH	:	**18 MAC 2009**
RUJUKAN	:	**1610**

SOALAN :

Dr. Mohd. Puad Bin Zarkashi [Batu Pahat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan teguran Peguam Negara bahawa anggota penyiasat PDRM hanya menjalankan siasatan 'janji siap'. Apakah langkah untuk mengatasi kekurangan pegawai penyiasat PDRM sehingga terpaksa menggunakan anggota PGA yang tidak berpengelaman untuk mengendalikan kes jenayah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Pahat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, dakwaan mengatakan PDRM menggunakan anggota Pasukan Gerak Am untuk melaksanakan penyiasatan adalah tidak benar. Jika ada sekalipun, anggota berkenaan merupakan Anggota PGA yang telah ditukar dan dinaikkan ke pangkat Sarjan serta diserapkan ke jawatan Pegawai Penyiasat. Kebanyakan anggota ini adalah masih muda dan mampu melaksanakan penyiasatan jenayah. Peranan dan bidang siasatan yang dilaksanakan juga hanya melibatkan kes-kes kecil yang tidak rumit dan mudah diselesaikan seperti kes pecah rumah dan kecurian kenderaan.

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Program Penyusunan Semula Struktur Organisasi PDRM (PSSO), jumlah perjawatan pegawai penyiasat di Jabatan Siasatan Jenayah telah dipohon untuk diberi penambahan bagi memastikan bebanan tugas dapat diturunkan daripada nisbah 1:17 (1 pegawai penyiasat membuka 17 kertas siasatan) kepada 1:5 (1 pegawai siasatan membuka 5 kertas siasatan). Selain itu, bagi memastikan

siasatan yang dijalankan adalah berkualiti, setiap pegawai penyiasat dan penolong pegawai penyiasat dikehendaki menghadiri kursus-kursus asas penyiasatan jenayah yang dilaksanakan di Maktab Kuala Kubu Bharu dan kontinjen-kontinjen. Setiap Pegawai Penyelia terutamanya Ketua Polis Daerah dan Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah juga dikehendaki menyelia dan memantau secara berterusan Pegawai Penyiasat Jenayah. Bahagian Naziran (D3) Bukit Aman turut melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan secara rutin di setiap kontinjen seluruh negara.

NO. SOALAN: 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH

TARIKH : 18 MAC 2009

SOALAN :

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menaikkan umur persaraan bagi kakitangan Kerajaan daripada 55 tahun kepada 56 tahun. Sekiranya tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN : Y.B DATO' MOHD JOHARI BIN BAHARUM
TIM. MEN. DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah pun menaikkan umur persaraan wajib bagi anggota sektor awam dari 56 tahun kepada 58 tahun mulai **1 Julai 2008**.

SOALAN NO: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**TUAN RAIME BIN UNGGI (TENOM)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**18.03.2009**

Tuan Raime bin Unggi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan dan langkah-langkah Kementerian dalam membendung masalah ketagihan arak murah yang banyak terdapat di pasaran dan tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengawal perjualan arak tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, undang-undang yang digunakan bagi mengawal pengilangan arak adalah di bawah Akta Eksais 1977. Bagi aktiviti mengimport arak, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia mengeluarkan lesen mengimport di bawah Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kastam 1977.

2. Pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan oleh Kerajaan bagi mengurangkan penggunaan arak murah. Antaranya:

i. meningkatkan pemantauan serta tindakan undang-undang ke atas kilang haram (tiada pemberian lesen eksais di bawah seksyen 20 & 25 Akta Eksais 1977);

ii. menguatkuasakan menerusi operasi Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) terutama oleh Bahagian Pematuhan & Penguatkuasaan dan operasi secara bersama dengan Jabatan lain yang berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM); dan

iii. menjalankan siasatan dan mengambil tindakan ke atas aduan orang awam sekiranya terdapat aktiviti pengilangan, memproses, menyuling dan menjual arak murah di kawasan orang awam.

SOALAN NO. 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ (SEREMBAN)

TARIKH : 18 MAC 2009 (RABU)

SOALAN :

Y.B. Tuan John A/L Fernandez (Seremban) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

a) berapakah permohonan Bantuan Kebajikan yang diterima oleh Kementerian bagi tahun 2008 dan berapakah permohonan yang diluluskan; dan

b) berapa lamakah sesuatu permohonan itu diambil untuk kelulusan Kementerian dan pecahan penerima bantuan kebajikan berdasarkan umur, bangsa dan jantina bagi tahun 2008.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah permohonan bantuan kebajikan yang diterima oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) bagi tahun 2008 adalah sebanyak 33,047 kes. Dari jumlah tersebut, sebanyak 17,882 permohonan diluluskan.

(b) Setiap permohonan untuk mendapat bantuan kebajikan yang diterima JKM akan disiasat dalam tempoh 2 minggu dan keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon dalam masa satu bulan dari tarikh permohonan diterima.

Pecahan penerima bantuan kebajikan sehingga Februari 2009 berdasarkan bangsa (etnik) adalah seperti berikut:

ETNIK	KES	JUMLAH RM
Melayu	141,189	43,659,799
Cina	18,654	5,275,953
India	19,921	5,790,084
Psm	375	53,218
Psb	24,096	5,901,105
Psw	58	13,880
lain-lain	769	202,315
Jumlah	**205,062**	**60,896,354**

Data tidak termasuk Negeri Selangor dan Sarawak

*Psm – Peribumi Semenanjung Malaysia
Psb –Peribumi Sabah
Psw – Peribumi Sarawak

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penerima Bantuan Kanak-Kanak (BKK) terdiri daripada kanak-kanak yang berusia antara 0 hingga 18 tahun. Manakala penerima Bantuan Orang Tua (BOT) terdiri daripada warga emas yang berusia melebihi 60 tahun. Bagi penerima Skim Bantuan lain seperti Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Anak

Pelihara, Bantuan Am, Geran Pelancaran, Bantuan Bencana, Bantuan Alat Tiruan/Sokongan, Bantuan Aperantis, Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar dan Bantuan Sekolah terdiri daripada semua peringkat umur.

SIDANG DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,

PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

Daripada : Y.B DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH [Batu Sapi]

Tarikh : 18 Mac 2009

Soalan : 59

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah status pembangunan teknologi bagi membolehkan pencerapan permukaan bumi dengan menggunakan *"airborn remote sensing"* dan juga *"satellite remote sensing"*.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi pencerapan permukaan bumi, setakat ini negara telahpun membangunkan secara efektif kepakaran tempatan dalam menggunapakai teknologi *'satellite remote sensing'* bagi memenuhi keperluan maklumat-maklumat permukaan bumi terkini untuk menyokong usaha-usaha negara dalam pengurusan pengeluaran pertanian, sumber asli, alam sekitar, bencana, keselamatan dan pembangunan tanah Negara. Secara amnya, teknologi ini melibatkan

penggunaan sensor yang diletakkan pada satelit-satelit khusus bagi aktiviti pencerapan permukaan bumi. Di antara kelebihan teknologi ini adalah; (i) berupaya membuat cerapan kawasan permukaaan bumi yang lebih luas pada satu-satu masa; (ii) mampu membekalkan maklumat cerapan secara berkala dan kerap; (iii) boleh mencerap permukaan bumi tanpa sekatan dari segi penggunaan ruang udara dan dasar angkasa; (iv) kos mendapatkan maklumat dan data cerapan yang lebih murah dan efektif; dan (v) mampu membekalkan maklumat cerapan yang lebih tepat dan beresolusi tinggi berdasarkan kemajuan terkini teknologi satelit remote sensing.

Bagi membuktikan komitmen kerajaan terhadap keperluan teknologi *'satellite remote sensing'* ini, pembangunan satelit negara, RazakSat telah pun dilaksanakan dan akan dilancarkan pada April tahun ini.

Berbanding teknologi *'satellite remote sensing',* teknologi *'airborne remote sensing'* pula adalah teknologi pencerapan permukaan bumi yang melibatkan penggunaan peralatan sensor yang diletakkan di atas kapal terbang, belon udara, dan seumpamanya. Teknologi *'airborne remote sensing'* ini hanya merupakan teknologi sokongan kepada teknologi *'satellite remote sensing'* dan penggunaannya juga agak terbatas kerana; (i) teknologi ini hanya berupaya membuat cerapan kawasan permukaan bumi yang terhad pada satu-satu masa; (ii) aktiviti pencerapan permukaan buminya adalah terhad kepada ruang udara negara sahaja; (iii) teknologi ini memerlukan kos pengoperasian yang tinggi untuk mendapatkan maklumat dan data; (iv) tempoh pengoperasian teknologi ini adalah terhad dan

bergantung kepada keadaan cuaca serta persekitaran semasa; dan (v) pengoperasian teknologi ini melibatkan jumlah data yang besar dan masa yang lama untuk menginterpretasi maklumat cerapan.

Sungguhpun begitu, kerajaan turut membuat kajian tentang keperluan teknologi ini pada masa akan datang bagi tujuan spesifik. Untuk itu, pada masa ini usaha-usaha bersepadu dari pelbagai agensi sedang dijalankan bagi membangunkan *Unmanned Aerial Vehicles (UAV) airborne remote sensing system* negara yang dijangka siap dalam tempoh empat tahun daripada sekarang.

Soalan No: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]**
TARIKH	:	**18 Mac 2009 (Rabu)**
SOALAN	:	**28**

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa AirAsia dibenarkan berhutang Airport Tax yang sebenarnya dibayar oleh semua penumpang dan dikutip oleh AirAsia dan setakat 29 Februari 2009, apakah jumlah hutang Airport Tax AirAsia yang belum dibayar dan apakah tindakan yang akan diambil oleh MAB untuk menuntut hutang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, jumlah hutang tertunggak AirAsia bagi Caj Perkhidmatan Penumpang (dengan izin Airport Tax) sehingga 28 Februari 2009 adalah sebanyak RM 65 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan AirAsia telah memaklumkan bahawa kedua-dua pihak telah mencapai jalan penyelesaian dan persetujuan dalam menangani isu pembayaran hutang tertunggak tersebut.

Oleh sebab jalan penyelesaian telah dicapai oleh kedua-dua pihak terlibat, maka Kementerian menganggap perkara ini telah selesai dan tidak ada sebab untuk pihak Kerajaan mengarah MAHB mengambil tindakan ke atas AirAsia berhubung perkara ini.

SOALAN NO : 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]**
TARIKH	:	**18 MAC 2009**
SOALAN	:	

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Menteri akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya menyediakan perkhidmatan tempat tinggal sementara seperti asrama kepada penduduk Luar Bandar yang menemani saudara mara untuk mendapat rawatan di hospital pada jangka masa yang lama. Misalnya (14 hari ke 30 hari).

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam perancangan pembangunan bagi Hospital baru, Kementerian Kesihatan telah menetapkan polisi dimana skop bagi kemudahan tempat tinggal sementara seperti Balai Pelawat merupakan salah satu daripada komponen pembangunan. Dengan ini, semua hospital baru akan mempunyai Balai Pelawat yang dapat menyediakan perkhidmatan tempat tinggal sementara kepada penduduk luar

bandar yang menemani saudara mara untuk mendapatkan rawatan di hospital pada jangka masa yang lama.

Walau bagaimanapun, bagi kebanyakan hospital yang telah lama siap dibina, pihak pengurusan hospital telah mengambil inisiatif-inisiatif untuk mengubahsuai ruang sedia ada ataupun menyewa bangunan-bangunan berdekatan dengan hospital untuk menyediakan kemudahan ini.

NO SOALAN: 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	***LISAN***
DARIPADA	**:**	**DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD**
		[KOTA RAJA]
TARIKH	**:**	**18 MAC 2009**

SOALAN:

Dr. Siti Mariah bt Mahmud [Kota Raja] minta **Perdana Menteri** menyatakan tujuan penubuhan sekretariat SENADA dan apakah status penubuhannya sehingga kini. Berapakah bajet yang telah diperuntukkan untuk tujuan ini.

JAWAPAN: DARI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI B ABD. AZIZ

Tuan Yang DiPertua,

Sekretariat Pembelaan dan Pemerkasaan Wanita Islam (SENADA) adalah bertujuan untuk:

1. Menentukan tidak wujudnya sebarang bentuk **diskriminasi** terhadap wanita Islam melalui peranan **advokasinya dalam mempengaruhi penggubalan dasar, perundangan dan peraturan-peraturan** ;

2. Menghalusi **implikasi pelaksanaan** dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan tersebut terhadap **hak-hak, pembangunan** dan **kebajikan** wanita Islam;

3. Meningkatkan **pemerkasaan** wanita Islam melalui **inisiatif dan program-program pembangunan modal insan dan kapasiti** wanita Islam, terutamanya mengenai perkara yang berkaitan dengan **hak-hak,** akses dan peluang pembangunan **diri serta keluarga** di semua peringkat dan dalam pelbagai bidang.

Tuan Yang Dipertua,

Sejak diluluskan pada 20 Jun 2008, SENADA giat menjalankan perjumpaan dengan cendekiawan, ahli akademik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pemimpin-pemimpin wanita termasuk delegasi daripada pihak Muslimat PAS dan parti-parti politik untuk mengumpul isu-isu berkaitan wanita Islam di Malaysia.

Kini, SENADA sedang aktif dan giat mengadakan kerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan untuk merangka pelan tindakan bagi menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan tersebut.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, peruntukan bajet bagi SENADA yang telah diluluskan ialah 2.5juta di bawah peruntukan Jabatan Perdana Menteri yang sedia ada. Tidak ada peruntukan tambahan yang dipohon.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO. (63)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. HAJI JAMALUDIN BIN DATO' MOHD JARJIS (ROMPIN)

TARIKH : 18 MAC 2009 (RABU)

SOALAN :

Y.B. DATUK SERI DR. HAJI JAMALUDIN BIN DATO' MOHD JARJIS (ROMPIN) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

(a) apakah Kerajaan bercadang mengkaji semula model pelaksanaan projek perumahan bagi golongan berpendapatan rendah yang mana kini dilaksanakan oleh pihak swasta ; dan

(b) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membangun serta mewujudkan projek perumahan tersebut melalui penubuhan sebuah syarikat khas milik Kerajaan yang menggunakan wang pinjaman dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau syarikat-syarikat GLC yang lain.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Projek perumahan kos rendah buat masa ini dilaksanakan oleh Kerajaan dan juga pemaju swasta. Beberapa jabatan Kerajaan telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan projek perumahan untuk golongan berpendapatan rendah di mana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertanggungjawab melaksanakan projek perumahan di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT bersikap terbuka ke atas cadangan mengkaji semula model pelaksanaan projek perumahan bagi golongan yang berpendapatan rendah dan sentiasa menerokai peluang serta kaedah baru yang lebih baik supaya projek perumahan dapat dilaksanakan bagi memenuhi permintaan perumahan golongan miskin dengan cara yang lebih cekap dan berkesan.

Dalam pada itu, KPKT juga sedang meneliti pelbagai alternatif untuk membantu syarikat swasta bagi mengurangkan kos pembinaan rumah kos rendah supaya lebih banyak rumah kos rendah dapat dibina oleh pihak swasta.

Cadangan menubuhkan satu entiti khas bagi melaksana program perumahan untuk golongan miskin telah diberi perhatian oleh pihak Kerajaan. Kerajaan telah menubuhkan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), sebuah syarikat milik Kementerian Kewangan dengan tujuan untuk membina rumah kos rendah dan mampu dimiliki terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, cadangan menggunakan wang pinjaman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau syarikat-syarikat GLC untuk membiayai projek perumahan kos rendah merupakan perkara dasar yang belum diputuskan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

NO : 64.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

SOALAN	:	~~[61]~~ 64
PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**YB Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat]**
TARIKH	:	**18 Mac 2009**
SOALAN 70	:	**Tuan Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah besar yang Kementerian sedang rancang dan usahakan untuk mewujudkan negara Palestin yang benar-benar bebas dan merdeka.

JAWAPAN:

Terima kasih di atas keprihatinan YB Tumpat terhadap isu ini. Kerajaan sememangnya ingin melihat penyelesaian konflik ini dapat dirungkaikan secepat mungkin memandangkan ia telahpun berlarutan hampir 6 dekad dan telah menyebabkan kesengsaraan dan jenayah kemanusiaan yang berlarutan kepada rakyat Palestin.

Memandangkan isu ini adalah melibatkan kuasa-kuasa besar, maka pendekatan multilateral dan penglibatan masyarakat antarabangsa adalah pendekatan sesuai dan lebih berkesan kerana tindakan Malaysia secara bersendirian (unilateral) tidak akan mampu menyelesaikan konflik yang rumit ini.

Oleh itu, perlu ditegaskan bahawa Malaysia berperanan menjadi jurubicara berkaitan isu Palestin di fora-fora antarabangsa dan secara berterusan mendesak PBB supaya memastikan kewujudan negara Palestin yang berdaulat, bebas dan merdeka dapat direalisasikan. Ke arah ini, Malaysia sentiasa bekerjasama rapat dan sepakat dengan Negara-negara OIC dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dalam usaha mendesak PBB melaksanakan usaha mencari perdamaian berkekalan di Palestin.

Malaysia memberikan sokongan sepenuhnya kepada inisiatif dalam usaha mewujudkan dua buah negara Palestin dan Israel yang berdamai atau 'Two State Solution' yang juga telah dipersetujui oleh kebanyakan anggota negara-negara Liga Arab iaitu berasaskan prinsip berikut:

i) Resolusi-resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) adalah dijadikan asas mengembalikan hak-hak mutlak rakyat Palestin;

ii) Pengunduran menyeluruh Israel daripada wilayah-wilayah yang diduduki berasaskan sempadanan pra-1967;

iii) Penubuhan negara Palestin yang berdaulat, bebas dan merdeka di Gaza dan Tebing Barat dengan Al Quds Al Sharif (East Jerusalem) sebagai ibu negara Palestin; dan

iv) Pemulangan semula pelarian Palestin ke Israel dan negara Palestin yang bakal diwujudkan.

Selain daripada itu, kita juga mengalu-alukan inisiatif Amerika melalui Special Envoy George Mitchell. Inisiatif Roadmap oleh Quartet (USA, Russia, UN dan EU) melalui special envoy Tony Blair dan pelbagai inisiatif termasuk inisiatif Cairo yang sedang berusaha menyatukan puak Hamas dan Fatah.

Malaysia turut menggesa rakyat Palestin supaya bekerja lebih serius dan mencari tititk persetujuan di antara puak Fatah dan Hamas, untuk bersatu-padu dan mengelakkan sengketa di antara mereka agar dapat menumpukan perhatian terhadap usaha-usaha mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat, bebas dan merdeka.

SOALAN NO: 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR (JERLUN)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**18.03.2009**

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jumlah hasil bersih daripada program pinjaman mikro kredit yang dikendalikan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia memandangkan sumber modal yang diberi oleh Kementerian sehingga 2008 mencecah RM 2.9 bilion dan adakah terdapat peruntukan bagi penyumbang ke tabung amanah mikro kredit diberi pengecualian cukai

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah memperoleh peruntukan pinjaman tanpa faedah daripada Kerajaan sebanyak RM514,968,410 sehingga akhir tahun 2008. Manakala peruntukan geran daripada Kerajaan sebanyak 4.7 peratus daripada keseluruhan sumber modal adalah melalui YaPeim dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebanyak RM13,049,520 dan RM 12,368,000 dengan keseluruhan sumber dana yang diterima adalah sebanyak RM540,385,930.

2. Daripada jumlah peruntukan pinjaman dan geran tersebut, AIM telah mengeluarkan pembiayaan terkumpul kepada ahli-ahlinya berjumlah RM2,918,111,043 semenjak daripada awal penubuhan sehingga akhir tahun 2008. Oleh yang demikian, AIM telah mengeluarkan pembiayaan sebanyak 5.4 kali ganda daripada jumlah dana tersebut. Manakala bayaran balik pinjaman oleh ahli-ahli AIM adalah pada kadar 98.5 peratus.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, AIM mempunyai lebihan pendapatan terkumpul sebanyak RM75,104,580.32 sehingga akhir 2007. Pada tahun 2008, AIM telah menjana pendapatan sebanyak RM68,454,445.49 (belum beraudit) daripada caj pembiayaan yang dikenakan kepada ahli-ahlinya. Manakala lain-lain pendapatan termasuk daripada sumber pelaburan berjumlah RM6,683,000.87 (belum beraudit).

4. Penyumbang ke tabung AIM diberi pengecualian cukai di mana AIM disenaraikan dalam Institusi/Organisasi/Tabung Pembinaan yang diluluskan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 berkuat kuat kuasa pada 1 Januari 1993.

SOALAN NO: 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO [KLANG]**
TARIKH	:	**18 MAC 2009**
RUJUKAN	:	**1669**

SOALAN:

Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan 'modus-operandi' Kementerian untuk menghantar balik pekerja asing oleh kerana kegawatan ekonomi dan juga menentukan pekerja tempatan tidak digantikan oleh pekerja asing.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 18.3.2009

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Klang di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini dan Kementerian Sumber Manusia telah menubuhkan Jawatankuasa Bersama Antara Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja di peringkat Negeri seluruh Malaysia. Tujuan utama Jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk memastikan semua pekerja asing yang dibuang kerja akan dihantar pulang ke negara asal masing-masing dalam situasi kegawatan ekonomi sekarang ini.

Melalui Jawatankuasa ini, Jabatan Tenaga Kerja Negeri akan memaklumkan kepada Jabatan Imigresen Negeri sekiranya terdapat majikan yang ingin menutup perniagaan atau mengecilkan saiz operasi mereka khususnya jika ia melibatkan pemberhentian pekerja asing. Sekiranya ada majikan yang telah memberhentikan pekerja tempatan, Jawatankuasa ini akan merekodkan pemberhentian tersebut bagi memastikan majikan berkenaan tidak pula diluluskan pekerja asing baru bagi menggantikan pekerja tempatan yang diberhentikan. Penyelarasan antara kedua Jabatan ini adalah amat penting dalam usaha memastikan kekosongan jawatan sedia ada dapat ditawarkan kepada pekerja tempatan manakala pekerja asing yang diberhentikan pula dihantar pulang ke negara asal mengikut proses dan prosedur yang telah ditetapkan.

NO SOALAN: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
TARIKH : 18 MAC 2009

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta Perdana Menteri menyatakan senarai peruntukan yang dijanjikan sebelum Pilihan raya ke-12 kepada kawasan Bakri dan menyatakan berapakah janji-janji yang belum ditunaikan dan bila peruntukan tersebut ditunaikan.

JAWAPAN :Y. B DATO' SERI MOHAMED NAZRI B ABD. AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Bagi tempoh 2007 hingga Mac 2008, sebanyak 88 buah projek bernilai
RM6,877,600.00 telah diluluskan di kawasan Parlimen Bakri.

Daripada jumlah ini, 87 projek bernilai RM4,927,600.00 telah siap dilaksanakan, manakala satu (1) projek sedang dalam pelaksanaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**
TARIKH	:	**18 MAC 2009 (RABU)**
SOALAN	:	**NO. 68**

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-

(a) apakah peranan Kerajaan dalam setiap pilihan raya kampus seperti yang termaktub dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971; dan

(b) langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengelakkan dakwaan kawalan atau manipulasi pilihan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan mengenai pemberian kuasa autonomi kepada setiap IPTA, Kementerian telah menurunkan kuasa kepada Naib Canselor untuk menguruskan proses pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di Institusi masing-masing. Kementerian berpendapat IPTA mampu menjalankan amanah yang diberikan ini dengan penuh

tanggungjawab bagi memastikan proses pemilihan berjalan dengan telus dan adil serta tidak mengganggu proses pembelajaran di IPTA berkenaan.

(b) Proses pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di kampus dilaksanakan secara demokratik dan adil bermula dengan proses penamaan calon, berkempen dan pengundian. Pihak Hal Ehwal Pelajar IPTA hanya bertindak sebagai urus setia bagi memastikan pemilihan MPP berjalan lancar. Semua pelajar yang memenuhi syarat pencalonan, layak untuk bertanding dalam pemilihan MPP. Pada masa ini proses pemilihan wakil pelajar menggunakan kaedah pengundian secara konvensional (pembuangan undi) dan *e-votting*.

SOALAN NO: 69

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**18.03.2009**

Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Gombak) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah bilangan rakyat Malaysia yang membayar cukai mengikut pecahan kaum dan juga jumlah yang dibayar oleh mereka dari tahun 2004 hingga sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, borang cukai pendapatan individu pada masa ini tidak mempunyai butiran kaum seseorang pembayar cukai.

SOALAN NO: 70

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**18.03.2009**

Datuk Chua Soon Bui (Tawau) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) berapakah jumlah wang dan berapakah pemegang akaun bank yang telah dirampas-pindah dari akaun mereka ke Indonesia melalui perbankan elektronik setiap tahun sejak 1996 bagi seluruh Malaysia dan Sabah khasnya; dan

(b) apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Bank Negara untuk mengawal jenayah tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Berdasarkan laporan mengenai kes-kes penipuan yang melibatkan pemindahan wang ke luar negara melalui perbankan internet, jumlah terlibat adalah amat rendah

iaitu sekitar 0.0005% daripada jumlah keseluruhan nilai transaksi perbankan internet dan hanya melibatkan 0.02% daripada jumlah keseluruhan pemegang akaun perbankan internet pada tahun 2008. Kes-kes tersebut melibatkan pengguna, sama ada secara sedar atau tidak, mendedahkan maklumat sulit seperti *Personal Identification Number* (PIN) dan kata laluan (*password*) kepada pihak ketiga. Maklumat yang diperoleh ini digunakan oleh pihak ketiga untuk memasuki akaun pengguna dan seterusnya membuat pemindahan wang secara tidak sah ke akaun di luar negara.

2. Bank Negara Malaysia (BNM), melalui kerjasama dengan pihak institusi perbankan, Polis Diraja Malaysia dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, telah mengambil beberapa tindakan untuk memastikan keselamatan sistem perbankan elektronik di Malaysia dan seterusnya mengurangkan kebarangkalian berlakunya aktiviti-aktiviti penipuan. Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan keselamatan penggunaan perbankan elektronik adalah seperti yang berikut:

a) BNM telah mengeluarkan garis panduan, *Minimum Guidelines on the Provision of Internet Banking Services by Licensed Institutions* dan *Guideline on Minimum Security Standards for Automated Teller Machines* yang menggariskan langkah-langkah kawalan sistem keselamatan yang perlu dipatuhi oleh semua institusi yang menyediakan perbankan Internet dan ATM. Antara langkah tersebut ialah menyediakan dan sentiasa mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan sistem *firewall, anti-*

virus dan sistem pengesanan pencerobohan (*intrusion detection system*);

b) BNM telah mengarahkan pelaksanaan penentusahan dua faktor (*two-factor authentication*) bagi transaksi perbankan Internet yang berisiko tinggi. Penentusahan faktor kedua adalah untuk melengkapi penentusahan faktor pertama (iaitu nama pengguna dan PIN) melalui penggunaan alat penentusahan tambahan seperti kod kebenaran transaksi yang diperoleh melalui SMS, sijil digital, kad pintar atau token USB (*Universal Serial Bus*), atau ciri biometrik pelanggan itu sendiri seperti cap jari atau corak retina;

c) Institusi perbankan juga perlu memastikan infrastruktur sistemnya adalah dilengkapi dengan kawalan keselamatan yang menyeluruh termasuk sistem amaran penipuan (*fraud warning system*) secara manual atau automatik bagi mengesan dan melaporkan sebarang transaksi perbankan yang mencurigakan. Selain itu, industri perbankan dikehendaki melaporkan sebarang kejadian penipuan dengan segera kepada Bank Negara Malaysia;

d) Institusi perbankan juga turut menjalankan program pendidikan dan kesedaran pelanggan secara berterusan bagi mendidik pengguna tentang keselamatan dan langkah berjaga-jaga terhadap penipuan perbankan elektronik. Antara langkah yang telah diambil termasuklah mengeluarkan kenyataan amaran

yang dipaparkan di laman web institusi perbankan, terminal ATM serta saluran komunikasi media;

e) BNM juga sentiasa memantau aktiviti perbankan elektronik menerusi pemeriksaan berkala untuk memastikan institusi perbankan mematuhi garis panduan yang ditetapkan; dan

f) Kerjasama industri seperti Pasukan Petugas Perbankan Internet telah ditubuhkan pada tahun 2004 bagi menangani penipuan dan menyemai keyakinan orang ramai terhadap perkhidmatan perbankan Internet. Pasukan ini dianggotai oleh kesemua institusi perbankan yang menawarkan perbankan internet, Cybersecurity Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan BNM.

NO SOALAN:71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Tuan Haji Che Uda bin Che Nik**

[Sik]

TARIKH : **18 Mac 2009**

SOALAN : **Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang telah dan akan di ambil oleh JAKIM untuk memartabatkan tulisan jawi yang makin terpinggir hari ini.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

1. JAKIM sentiasa berusaha memperkasakan penggunaan tulisan jawi melalui berbagai aktiviti. Di antara usaha dan langkah-langkah konkrit bagi memartabatkan tulisan jawi, JAKIM telah menyeragam dan mengarahkan penggunaan buku teks sekolah agama dan kelas KAFA dalam tulisan jawi. Dari semasa ke semasa JAKIM sentiasa menerbitkan buku-buku risalah, jurnal, buletin dalam tulisan jawi yang diedarkan kepada semua peringkat masyarakat. Penggunaan tulisan jawi juga sedang diguna pakai dalam pentadbiran di JAKIM/JAIN.

2. JAKIM bersama agensi di negeri dan agensi berkaitan di peringkat Persekutuan sentiasa mengadakan perbincangan bagi memartabatkan penggunaan tulisan di peringkat glokal dan global melalui beberapa pendekatan dan strategi yang bersesuaian. Antara strategi yang dibincangkan dalam pertemuan antara JAIN seluruh

NO SOALAN:71

Malaysia JAKIM telah menyediakan 5 strategi untuk memperkasakan tulisan jawi, iaitu :

Strategi 1: Menjadikan tulisan jawi sebagai tulisam utama JAKIM/JAIN dalam semua urusan dengan institusi agama di Negara ini.

Strategi 2: Menjadikan pelajaran jawi sebagai subjek wajib dan utama dalam sistem pendidikan Negara.

Strategi 3: Menghidupkan penggunaan tulisan jawi dalam semua iklan, papan tanda, nama jalan, nama syarikat/ bangunan/ sekolah/ kedai/ kenderaan dan lain-lain.

Strategi 4: Menerbitkan Kamus Istilah Kata/ Ejaan bagi semua istilah arab.

Strategi 5: Menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi menyelaras dan menentukan dasar bagi menyelaraskan ejaan jawi yang standard.

NO SOALAN:71

Program ini akan dilaksana secara bersama dengan agensi-agensi berikut:

1. Tabung Haji
2. Bahagian Pendidikan Islam, KPM
3. Utusan Malaysia
4. Kementerian Penerangan
5. KEKWA
6. DBP
7. Kementerian Pelancongan
8. Institut Pengajian Tinggi, dan
9. NGO's Islam.

Soalan No : 72

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON (IPOH BARAT)

TARIKH : 18.03.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah wang yang diperuntukkan untuk sekolah-sekolah SK, SJK(C) dan SJK(T) bagi tahun 2009/2010 dan bilangan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah ini pada 2009/2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah peruntukan belanja mengurus bagi SK, SJKC dan SJKT sekolah kerajaan setakat Januari 2009 adalah seperti berikut:

KATEGORI SEKOLAH	PERUNTUKAN
SK	RM4,549,757,879
SJK(C)	RM315,376,475
*SJK(T)	RM117,184,775

Manakala peruntukan mengurus dalam tempoh yang sama bagi Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) adalah seperti berikut:

KATEGORI SEKOLAH	PERUNTUKAN
SK	-
SJK(C)	RM699,176,276
SJK(T)	RM294,141,650
SEKOLAH MUBALIGH	RM316,162,950

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi tahun 2010 belum dimuktamadkan lagi kerana proses penyediaan bajet bagi tahun 2010-2011 sedang disediakan dan penentuan peruntukan sebenar bagi tahun berkenaan akan dibuat oleh pihak Perbendaharaan berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan.

Sehingga Januari 2008, jumlah murid di SK, SJKC dan SJKT adalah seperti berikut:

BIL	JENIS SEKOLAH	ENROLMEN
1	SEKOLAH KEBANGSAAN	2,401,335
2	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA	639,086
3	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL	108,279
JUMLAH		**3,148,700**

Sumber Data: Sektor Data, BPPDP

SOALAN NO : 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL [LABUAN]**
TARIKH	:	**18 MAC 2009**
SOALAN	:	

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian Kesihatan dalam melihat keadaan Klinik Desa, khususnya di W.P Labuan dalam memastikan prasarana salah satu kemudahan asas penting ini memberi keselesaan kepada rakyat, memandangkan keadaannya sekarang nampak daif dan memerlukan kelengkapan dan penambahbaikan yang amat diperlukan seperti hawa dingin dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan dan keselesaan yang terbaik kepada rakyat. Untuk makluman, terdapat 11 buah Klinik Kesihatan Desa di Wilayah Persekutuan Labuan. Satu daripadanya telah ditutup kerana terlibat

dalam pembinaan jalan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) manakala 7 buah klinik desa telah dan sedang dinaiktaraf iaitu 3 dilaksanakan oleh Kementerian dan 4 dilaksanakan oleh JKR. Selain itu, satu Klinik Kesihatan Jenis 3 telah siap dibina bagi memberikan perkhidmatan kepada penduduk di W.P. Labuan.